SEMINAR HADIS 1.0
~ Pengenalan Kepada Ilmu Hadis ~

www.alkahfi.com.my



Kandungan

Pengenalan Kepada Ilmu Hadis

Apakah itu ‘Ulum al-Hadis (علوم الحديث) ?

Ia terdiri daripada dua perkataan iaitu ‘Ulum dan al-Hadis.

‘Ulum merupakan jama’/plural kepada ilmu. Ia membawa maksud disiplin ilmu kepada sesuatu perkara.

Al-Hadis pula daripada sudut bahasa bermaksud kata-kata. Daripada sudut istilah pula hadis merujuk kepada apa yang disandarkan kepada Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam daripada perkataan, perbuatan, persetujuan/taqrir, sifat bentuk tubuhnya, akhlaknya sama ada sebelum baginda diutus sebagai rasul atau selepasnya.

Perkataan al-Hadis digunakan kerana kebanyakan perkara yang disandarkan kepada nabi sallallahu ‘alaihi wasallam adalah daripada kata-kata nabi sallallahu ‘alaihi wasallam

Oleh kerana itu ‘Ulum al-Hadis merupakan satu ilmu yang dibawahnya terdapat pelbagai cabang ilmu yang berkaitan dengan apa-apa yang disandarkan kepada Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam.

Ilmu ini juga dikenali sebagai Mustalah al-Hadis, Usul al-Hadis dan lain-lain.

Ulum al-Hadis boleh dibahagikan kepada dua bahagian yang besar iaitu:

1- Riwayah al-Hadis
2- Dirayah al-Hadis

Apakah maksud ilmu riwayah al-Hadis?

Ia merupakan ilmu yang membincangkan kaedah-kaedah untuk mengenali keadaaan perawi dan apa yang diriwayatkan.

Inilah disiplin ilmu yang akan difokuskan pada hari ini.

Apakah maksud ilmu Dirayah al-Hadis?

Ia merupakan ilmu yang membahaskan tentang maksud yang difahami daripada teks hadis, apakah yang dikehendaki dengan teks hadis tersebut dengan menggunakan kaedah-kaedah bahasa arab dan kaedah-kaedah syara’.

Istilah-Istilah Asas Ilmu Hadis

Terdapat banyak istilah-istilah yang lazim digunakan apabila berbicara tentang ilmu hadis. Penuntut ilmu perlu memahami maksud istilah-istilah ini agar apa yang dibincangkan dapat difahami sebaik-baiknya. Disenaraikan di sini beberapa istilah yang lazim digunakan:

1- Al-Hadis (الحديث): Ia bermaksud apa-apa sahaja yang disandarkan kepada nabi sallallahu ‘alaihi wasallam berupa perbuatannya, perkataannya, persetujuan/taqrirnya, sifat bentuk tubuhnya, akhlaknya, sama ada sebelum dilantik menjadi rasul atau selepas dilantik.

2- Al-Sunnah (السنة): Di sisi ulama hadis, ia mempunyai maksud yang sama dengan al-Hadis. Akan tetapi pada disiplin ilmu yang lain, ia membawa maksud yang berbeza:

Ulama Usul al-Feqh: As-Sunnah ialah apa yang disandarkan kepada nabi sallallahu 'alaihi wasallam sama ada perkataan, perbuatan, atau persetujuan baginda yang berkaitan dengan salah satu satu hukum taklifi; wajib, haram, sunat, makruh, harus.

Ulama feqh/Fuqaha': As-Sunnah ialah lawan kepada wajib, iaitu sunat/mandub. Ia bermaksud pelakunya akan mendapat pahala, akan tetapi meninggalkannya tidaklah berdosa.

Ulama Aqidah: As-Sunnah ialah perkataan lawan kepada bid'ah. Oleh sebab itu terdapat banyak kitab-kitab aqidah menggunakan perkataan as-Sunnah.

3- Khabar (الخبر):

a- Ia juga perkataan lain yang merujuk kepada al-Hadis/as-Sunnah.

b- Adakalanya ia digunakan untuk riwayat yang datang selain daripada nabi sallallahu 'alaihi wasallam.

c- Kadangkala ia digunakan secara umum untuk semua riwayat, tidak kira ia datang daripada nabi sallallahu 'alaihi wasallam atau selain nabi sallallahu 'alaihi wasallam.

4- Al-Athar (الأثر):

a- Membawa maksud yang sama dengan al-Hadis/as-Sunnah. Oleh sebab itu Imam at-Tahawi menamakan kitabnya Syarah Ma'ani al-Athar (شرح معاني الأثر)

b- Ia merupakan riwayat yang datang selain daripada nabi sallallahu 'alaihi wasallam.

c- Ia merupakan riwayat yang datang daripada sahabat/hadis mauquf (موقوف)

d- Ia umum merangkumi riwayat daripada nabi sallallahu 'alaihi wasallam dan selain daripada nabi sallallahu 'alaihi wasallam

5- Al-Matan (المتن): Teks hadis yang datang selepas sanad.

6- Al-Sanad (السند): Jalan periwayatan sesuatu riwayat.

7- Al-Sanad Al-'Aliy (السند العلي): Sanad yang mempunyai perawi yang sedikit berbanding sanad yang lain.

8- Al-Sanad Al-Safil Al-Nazil (السند النازل): Sanad yang mempunyai lebih ramai perawi berbanding sanad yang lain.

9- Al-Thoriq (الطريق): Bermaksud sanad

10- Al-Mutabi’ (المتابع): Satu riwayat yang datang daripada sahabat nabi sallallahu ‘alaihi wasallam yang sama, akan tetapi pada perawi-perawi selepasnya terdapat beberapa orang yang meriwayatkan daripada shaikh yang sama.

11- Al-Syahid (الشهيد): Satu hadis yang diriwayatkan oleh beberapa orang sahabat.

12- Al-Musnad (المسند): Ia mempunyai beberapa maksud antaranya:

   a- Kitab hadis yang disusun mengikut nama sahabat seperti Musnad Imam Ahmad.

   b- Hadis yang bersambung sanad hingga kepada Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam.

   c- Bermaksud sanad

13- Al-Muhaddis (المحدث): Ilmuan yang menyibukkan dirinya dalam disiplin ilmu hadis.

14- Al-Sahabi (الصحابي): Sesiapa yang berjumpa nabi sallallahu ‘alaihi wasallam dalam keadaan beriman, dan mati dalam keadaan Islam.

15- At-Tabiiy (التابعي): Sesiapa yang berjumpa sekurang-kurangnya seorang sahabat ketika dia dalam keadaan Islam dan mati dalam keadaan Islam.

16- Tabi’ at-Tabiiy (تابع التابعي): Sesiapa yang berjumpa dengan sekurang-kurangnya seorang tabiin dalam keadaan Islam dan mati dalam keadaan Islam.

Kedudukan As-Sunnah atau Al-Hadis Dalam Islam

Sesungguhnya sunnah Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam mempunyai kedudukan yang istimewa dalam Islam. Ini diceritakan sendiri oleh Allah dalam al-Quran.

Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam yang wajib ditaati, diikuti dan dicontohi

Firman Allah:

مَنْ يُطِعِ الرَّسُولَ فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ وَمَنْ تَوَلَّى فَمَا أَرْسَلْنَاكَ عَلَيْهِمْ حَفِيظًا (80)

Barangsiapa yang mentaati Rasul itu, sesungguhnya ia telah mentaati Allah. Dan barangsiapa yang berpaling [daripada ketaatan itu], maka Kami tidak mengutusmu untuk menjadi pemelihara bagi mereka . [an-Nisa’ : 80]

قُلْ أَطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْكَافِرِينَ (32)

Katakanlah: Taatilah Allah dan rasul. Seandainya kalian berpaling, sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang kafir. [Ali ‘Imran : 32]

Allah bukan sekadar menyuruh kita semua mentaati Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam, bahkan menjadikan mengikuti baginda sebagai syarat untuk mencintai Allah. Firman Allah:

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ (31)

Katakanlah: Seandainya kalian mencintai Allah, ikutlah aku, nescaya Allah akan mencintai kalian dan mengampuni dosa-dosa kalian. Allah Maha Pengampun lagi Penyayang. [Ali ‘Imran : 31]

Allah telah menjadikan mengikuti baginda sebagai syarat mendapat hidayah daripadanya. Firman Allah:

قُلْ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ يُحْيِي وَيُمِيتُ فَآمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ الَّذِي يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَكَلِمَاتِهِ وَاتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ (158)

Katakanlah: Hai manusia sesungguhnya aku adalah utusan Allah kepadamu semua, iaitu Allah yang mempunyai kerajaan langit dan bumi; tidak ada Tuhan [yang berhak disembah] selain Dia, Yang menghidupkan dan mematikan, maka berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul Nya, Nabi yang ummi yang beriman kepada Allah dan kepada kalimat-kalimat-Nya [kitab-kitab-Nya] dan ikutilah dia, supaya kamu mendapat petunjuk. [Al-A’raf : 158]

Allah juga menceritakan dalam al-Quran bahawa Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam merupakan sebaik-baik contoh ikutan. Firman Allah:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا (21)

Sesungguhnya pada Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam itu merupakan contoh yang baik untuk kalian, buat sesiapa yang mengharapkan untuk bertemu Allah dan hari kiamat, dan banyak mengingati Allah. [Al-Ahzab : 21]

Tiada Keimanan Kepada Yang Tidak Berhakim Dengan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam

Allah menafikan keimanan kepada sesiapa yang tidak menjadikan Allah dan rasul sebagai pemutus kepada sesuatu perkara, firman Allah:

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّى يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا فِي أَنْفُسِهِمْ حَرَجًا مِمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا (65)

Maka demi Tuhanmu, mereka tidak beriman hingga mereka menjadikan kamu hakim dalam perkara yang mereka perselisihkan, kemudian mereka tidak merasa keberatan dalam hati mereka terhadap keputusan yang kamu berikan, dan mereka menerima dengan sepenuhnya. (65) [An-Nisa : 65]

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُبِينًا (36)

Dan tidaklah patut bagi lelaki-lelaki yang beriman dan tidak [pula] bagi wanita-wanita yang beriman, apabila Allah dan Rasul-Nya telah menetapkan suatu ketetapan, akan ada bagi mereka pilihan [yang lain] tentang urusan mereka. Dan barangsiapa menderhakai Allah dan Rasul-Nya maka sungguhlah dia telah sesat, sesat yang nyata. [Al-Ahzab : 36]

Allah telah menjadikan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam sebagai sumber syariat

الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الْأُمِّيَّ الَّذِي يَجِدُونَهُ مَكْتُوبًا عِنْدَهُمْ فِي التَّوْرَاةِ وَالْإِنْجِيلِ يَأْمُرُهُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاهُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ وَيَضَعُ عَنْهُمْ إِصْرَهُمْ وَالْأَغْلَالَ الَّتِي كَانَتْ عَلَيْهِمْ فَالَّذِينَ آمَنُوا بِهِ وَعَزَّرُوهُ وَنَصَرُوهُ وَاتَّبَعُوا النُّورَ الَّذِي أُنْزِلَ مَعَهُ أُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ (157)

[Iaitu] orang-orang yang mengikut Rasul, Nabi yang ummi yang [namanya] mereka dapati tertulis di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka, yang menyuruh mereka mengerjakan yang ma’ruf dan melarang mereka daripada mengerjakan yang mungkar dan menghalalkan bagi mereka segala yang baik dan mengharamkan bagi mereka segala yang buruk dan membuang daripada mereka beban-beban dan belenggu-belenggu yang ada pada mereka. Maka orang-orang yang beriman kepadanya, memuliakannya, menolongnya dan mengikuti cahaya yang terang yang diturunkan kepadanya [Al-Quran], mereka itulah orang-orang yang beruntung. (157 [Al-A’raf : 157]

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا (59)

Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul [Nya], dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah [Al-Quran] dan Rasul [sunnahnya], jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama [bagimu] dan lebih baik akibatnya. [An-Nisa’ : 59]

Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam merupakan penafsir yang menjelaskan maksud al-Quran

Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bukanlah sekadar posmen yang membawa wahyu daripada Allah, bahkan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam berperanan mengajarkan dan menerangkan maksud-maksud isi kandungan al-Quran. Firman Allah:

بِالْبَيِّنَاتِ وَالزُّبُرِ وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ (44)

Keterangan-keterangan [mu'jizat] dan kitab-kitab. Dan Kami turunkan kepadamu Al-Quran, agar kamu menerangkan kepada umat manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka memikirkan [An-Nahl : 44]

لَا تُحَرِّكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ (16) إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ (17) فَإِذَا قَرَأْنَاهُ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ (18) ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا بَيَانَهُ (19)

Janganlah kamu gerakkan lidahmu untuk [membaca] Al Qur'an karena hendak cepat-cepat [menguasai] nya [3]. (16) Sesungguhnya atas tanggungan Kami-lah mengumpulkannya [di dadamu] dan [membuatmu pandai] membacanya. (17) Apabila Kami telah selesai membacakannya maka ikutilah bacaannya itu. (18) Kemudian, sesungguhnya atas tanggungan Kami-lah penjelasannya. (19) [Al-Qiyamah : 16-19]

Hubungan As-Sunnah Dengan Al-Quran

1- Memperkuatkan lagi apa yang ada dalam al-Quran. Banyak perkara-perkara yang telah disyariatkan melalui al-Quran, diulangi lagi hal itu dalam as-Sunnah. Ini untuk memperkuatkan dan menunjukkan kepentingan hal tersebut. Ia seperti kewajipan solat, puasa, zakat, pengharaman memakan harta orang lain, larangan berzina, berbuat baik kepada ibu bapa dan banyak lagi.

2- As-Sunnah akan memperincikan lagi apa yang diterangkan secara ringkas di dalam al-Quran. Ia hadir dalam pelbagai bentuk

   a- Menerangkan perincian tatacara bagaimana mahu melakukan sesuatu perkara yang telah disyariatkan dalam al-Quran. Ini sebagaimana tatacara solat.

   b- Menerangkan maksud perkataan dalam al-Quran yang mungkin boleh difahami dengan maksud yang banyak. Seperti maksud zalim dalam ayat yang menunjukkan maksudnya ialah syirik.

   c- Memperincikan sesuatu yang mutlaq. Contohnya dalam al-Quran menyebutkan pencuri akan dipotong tangannya. As-Sunnah menerangkan pula had tangan yang dipotong.

   Begitu juga dalam al-Quran mensyariatkan wasiat, as-Sunnah menerangkan hadnya kepada 1/3 sahaja.

   d- Mengkhususkan apa yang 'am di dalam al-Quran. Contohnya larangan memakan darah dalam surah al-Baqarah ayat 173. Dikhususkan oleh hadis membenarkan memakan hati dan limpa.

Selain daripada memperincikan apa yang telah sedia ada dalam al-Quran. As-Sunnah juga berdiri dengan sendirinya kerana padanya jua ada perkara-perkara yang tidak ada di dalam al-Quran, antaranya:

1- Kenabian Nabi Adam dan nabi-nabi yang lain yang tidak disebutkan dalam al-Quran.

2- Kelebihan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam di atas nabi-nabi yang lain.
3- Syafaat al-‘Uzma di padang masyhar.
4- Syafaat kepada pelaku dosa besar.
5- Mukjizat-mukjizat yang selain daripada al-Quran.
6- Karakteristik dan sifat-sifat bentuk badan nabi sallallahu ‘alaihi wasallam
7- Perkara-perkara khusus untuk nabi sallallahu ‘alaihi wasallam /khususiyyat
8- Kisah permulaan wahyu diturunkan
9- Hadis-hadis tentang sifat malaikat dan jin
10- Senarai nama sahabat-sahabat yang dijamin syurga
11- Soalan dalam kubur

Dan terlalu banyak lagi perkara yang hanya disebutkan dalam As-Sunnah atau Al-Hadis.

Bahkan termasuk juga di dalam perkara yang berkaitan hukum-hakam seperti

1- Pengharaman menikahi ibu saudara isteri ketika si isteri masih hidup
2- Pengharaman emas dan sutera ke atas lelaki
3- Hukuman rejam kepada penzina yang sudah berkahwin
4- Berhukum dengan saksi dan sumpah
5- Pengharaman harta warisan ke atas waris yang membunuh si pemilik harta.

Bagaimana As-Sunnah Dijaga?

Perlu difahami bahawa masyarakat Arab di mana munculnya Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam adalah masyarakat yang buta huruf. Kebanyakan mereka tidak mampu membaca atau pun mengira kecuali sebahagian kecil sahaja yang berkemampuan. Allah telah mensifatkan bangsa Arab ketika itu dengan sifat ini dalam al-Quran:

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِنْهُمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُبِينٍ (2)

Dia-lah yang mengutus kepada kaum yang buta huruf seorang Rasul di antara mereka, yang membacakan ayat-ayat-Nya kepada mereka, mensucikan mereka dan mengajarkan kepada mereka Kitab dan Hikmah [As Sunnah]. Dan sesungguhnya mereka sebelumnya benar-benar dalam kesesatan yang nyata, [Al-Jumu’ah : 2]

Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda:

إِنَّا أُمَّةٌ أُمِّيَّةٌ، لاَ نَكْتُبُ وَلاَ نَحْسُ

Sesungguhnya kami adalah umat yang buta huruf. Kami tidak tahu menulis dan tidak tahu mengira. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Sawm, hadis no: 1913]

Lalu dalam keadaan kebanyakan mereka buta huruf, bagaimanakah mereka memelihara hadis-hadis nabi sallallahu ‘alaihi wasallam?

Antara kelebihan yang dikurniakan kepada bangsa Arab ialah kekuatan hafazan mereka. Oleh kerana mereka tidak mampu membaca, jadi mereka banyak bergantung kepada sistem hafazan. Disebabkan itu bukanlah satu kepelikan melihat mereka menghafaz nasab mereka hingga ke nenek moyang mereka dan bagaimana mereka dapat menghafaz peristiwa-peristiwa lalu dan menceritakannya dengan penuh terperinci.

Oleh kerana itu, method utama yang digunakan oleh sahabat-sahabat nabi radiallahu ‘anhu untuk memelihara hadis-hadis nabi sallallahu ‘alaihi wasallam adalah dengan method hafazan. Selain daripada hafazan, method-method di bawah membantu mereka lagi untuk menghafaz sunnah-sunnah tersebut; antaranya:

1- **Mengamalkan hadis tersebut**: Antara method pada sahabat yang membantu mereka sentiasa ingat kepada hadis-hadis yang pernah mereka dengar atau lihat ialah mereka mengamalkan hadis-hadis tersebut dalam kehidupan seharian.

2- **Sentiasa berbincang** tentang sunnah-sunnah Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam: Para sahabat akan sentiasa membincangkan isi kandungan hadis-hadis nabi sallallahu ‘alaihi wasallam sesama mereka.

عن عبد الله قال: "تذاكروا الحديث فإن حياته مذاكرته."

Daripada ‘Abdullah bin Mas’ud radiallahu ‘anhu, beliau berkata: Berbincanglah tentang hadis. Sesungguhnya hidupnya hadis itu adalah perbincangannya.

عن علي بن أبي طالب رضي الله عنه قال: "تزاوروا وأكثروا ذكر الحديث فإنكم إن لم تفعلوا يندرس الحديث

Daripada ‘Ali bin Abi Thalib radiallahu ‘anhu, beliau berkata: Saling menziarahilah dan perbanyakkan menyebut tentang hadis. Seandainya kalian tidak melakukan, sesungguhnya hadis akan hilang. [Al-Hakim dalam Ma’rifah ‘Ulum al-Hadis, m/s 210]

Method hafazan terus menjadi method utama pemeliharaan hadis nabi sallallahu ‘alaihi wasallam sejak zaman nabi sallallahu ‘alaihi wasallam, zaman al-Khulafa’ al-Rasyidun, dan Khilafah Bani Umaiyah. Ini berterusan kerana beberapa sebab:

a- Majoriti bangsa Arab buta huruf

b- Mereka sibuk dengan proses menulis al-Quran

c- Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam pernah melarang daripada menulis apa-apa yang baginda sampaikan kecuali al-Quran kerana ditakuti akan bercampur baur isi kandungan al-Quran dengan selainnya.

d- Terhadnya peralatan yang boleh digunakan untuk merekodkan hadis dalam bentuk penulisan.

Penulisan Hadis Di Zaman Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam

Seperti diketahui bahawa Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam pernah menghalang para sahabat daripada menulis kecuali al-Quran.

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم قَالَ " لاَ تَكْتُبُوا عَنِّي وَمَنْ كَتَبَ عَنِّي غَيْرَ الْقُرْآنِ فَلْيَمْحُهُ وَحَدِّثُوا عَنِّي وَلاَ حَرَجَ وَمَنْ كَذَبَ عَلَىَّ – قَالَ هَمَّامٌ أَحْسِبُهُ قَالَ – مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ " .

Daripada Abu Sa’id al-Khudri radiallahu ‘anhu, Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Janganlah kalian menulis daripada ku. Sesiapa yang menulis daripada ku selain daripada al-Quran, hendaklah dia memadamkannya. Sampaikanlah daripada apa yang aku sampaikan, dan tidak ada dosa untuk itu. Sesiapa yang berdusta ke atas ku dengan sengaja, maka dia telah mengambil tempatnya di neraka. [Sahih Muslim, Kitab az-Zuhd wa ar-Raqaiq, hadis no: 3004]

Ini tidak bermaksud tiada langsung penulisan hadis yang berlangsung ketika itu. Larangan ini hakikatnya tidaklah berlaku kepada secara mutlak.

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو، قَالَ كُنْتُ أَكْتُبُ كُلَّ شَىْءٍ أَسْمَعُهُ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم أُرِيدُ حِفْظَهُ فَنَهَتْنِي قُرَيْشٌ وَقَالُوا أَتَكْتُبُ كُلَّ شَىْءٍ تَسْمَعُهُ وَرَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم بَشَرٌ يَتَكَلَّمُ فِي الْغَضَبِ وَالرِّضَا فَأَمْسَكْتُ عَنِ الْكِتَابِ فَذَكَرْتُ ذَلِكَ لِرَسُولِ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم فَأَوْمَأَ بِأُصْبُعِهِ إِلَى فِيهِ فَقَالَ " اكْتُبْ فَوَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ مَا يَخْرُجُ مِنْهُ إِلاَّ حَقٌّ " .

Daripada ‘Abdullah bin ‘Amru, beliau berkata: Aku pernah menulis setiap sesuatu yang aku dengan daripada Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam kerana aku mahu menghafaznya. Kaum Quraisy menyuruh aku berhenti menulis, mereka berkata: Adakah engkau menulis semua yang engkau dengar daripada beliau sedangkan beliau hanyalah seorang manusia yang adakalanya bercakap dalam keadaan marah dan redha. Lalu aku pun berhenti daripada menulisnya. Aku menyebutkan hal itu kepada Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam lalu baginda mengisyaratkan dengan jari-jemarinya ke mulutnya lalu bersabda: Tulislah. Dengan tuhan yang diri ku di tanganNya, tidak ada yang keluar daripada mulut ku kecuali kebenaran. [Sunan Abi Daud, Kitab al-Ilm, hadis no: 3646]

Apakah sebab Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam menghalang daripada ditulisnya hadis?

a- Untuk mengelakkan daripada bercampurnya al-Quran dengan perkara yang lain.

b- Untuk tidak menyibukkan para sahabat sehingga mereka terlupa kepada al-Quran.

c- Supaya para sahabat benar-benar menghafaz hadis tanpa perlu bergantung kepada penulisan.

Penulisan hadis selepas kewafatan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam

Dalam kalangan sahabat nabi radiallahu ‘anhu, mereka berbeza pandangan dalam perilhal menulis hadis-hadis Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam. Ada yang melarang penulisan hadis da nada yang membenarkannya.

Penulisan hadis oleh para sahabat bukanlah dibukukan secara sistematik. Ia lebih berbentuk sahifah. Antara sahifah yang terkenal ialah sahifah ‘Abdullah bin ‘Amru bin al-‘As.

Berikut merupakan beberapa sahabat yang banyak meriwayatkan hadis:

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu (5374 hadis): Lebih kurang 9 orang pelajarnya menulis hadis-hadis yang didengari daripadanya.

‘Abdullah bin ‘Umar radiallahu ‘anhu (2630 hadis): 8 orang pelajarnya menulis hadis daripada beliau.

Anas bin Malik (2286 hadis): 16 orang pelajar menulis hadis daripadanya

‘Aisyah radiallahu ‘anhu (2210 hadis): 3 orang pelajarnya menulis hadis daripada beliau

‘Abdullah bin ‘Abbas radiallahu ‘anhu (1660 hadis): 9 orang pelajarnya menulis hadis daripada beliau.

Pembukuan Hadis

Pembukuan hadis berbeza daripada penulisan hadis. Method merekod hadis menggunakan tulisan pada zaman sahabat tidak dilakukan dengan tersusun. Proses pembukuan hadis muncul hasil cetusan idea khalifah Umar bin ‘Abdul Aziz. Antara faktor mendorong munculnya usaha pembukuan hadis ialah:

a- Hilangnya sebab yang menyebabkan penulisan hadis dilarang iaitu ditakuti bercampur baur dengan al-Quran. Ini kerana al-Quran telah sempurna dibuku dalam mushaf pada zaman Uthman radiallahu ‘anhu sehingga umat Islam dapat membezakan al-Quran dan al-Sunnah dengan mudah.

b- Khuatir hilangnya hadis-hadis Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam. Ini kerana Islam telah semakin berkembang. Kekuatan hafazan umat Islam pula tidak sekuat sebelumnya. Ulama-ulama yang bertebaran di merata tempat memerlukan kepada kitab hadis sebagai rujukan mereka.

c- Munculnya hadis-hadis palsu disebabkan pertikaian politik, mazhab, selepas terjadinya perpecahan dalam kalangan umat Islam kepada golongan pro-Ali, Muawiyah, Khawarij, dan lain-lain.

Oleh kerana itu Umar bin ‘Abdul Aziz menyuruh Abu Bakar Muhammad bin Amru bin Hazm yang bertugas di Madinah untuk mula membukukan hadis. Abu Bakar bin Amru disuruh merekodkan hadis daripada Umrah yang banyak mencatatkan hadis-hadis daripada ‘Aisyah radiallahu ‘anhu.

Umar Abdul Aziz juga menulis surat kepada pemimpin-pemimpin di negeri lain untuk mula membukukan hadis-hadis nabi sallallahu ‘alaihi wasallam.

Akan tetapi hasil kerja Abu Bakar Muhammad bin Amru bin Hazm tidak dapat dilihat oleh Umar bin ‘Abdul ‘Aziz kerana telah meninggal dunia.

Adapun yang pertama membukukan hadis pada zaman itu ialah Al-Imam Muhammad bin Muslim bin Syihab az-Zuhri. Akan tetapi proses pembukuan ini masih lagi belum sistematik kerana hadis-hadis sekadar dikumpulan, tetapi tidak diasingkan mengikut topik-topiknya.

Selepas zaman az-Zuhri, barulah kitab-kitab hadis disusun dengan lebih sistematik bermula dengan Kitab Al-Muwatta’ oleh Imam Malik dan kitab-kitab selepasnya.

Enam Kitab Hadis Yang Utama

Terdapat enam buah kitab-kitab hadis yang utama atau dikenala sebagai Al-Kutub Al-Sittah (الكتب الستة). Enam kitab tersebut adalah:

1- Sahih al-Bukhari

2- Sahih Muslim

3- Sunan Abi Daud

4- Jami’ at-Tirmizi

5- Sunan an-Nasaie

6- Ulama berbeza pendapat yang keenam ialah Sunan Ibnu Majah atau Muwatta’ Imam Malik.

   Sebahagian ulama menggelar keenam-enam kitab ini sebagai kitab sahih, akan tetapi ia tidaklah benar kerana di dalam kitab-kitab ini terdapat juga riwayat-riwayat yang lemah.

Sahih al-Bukhari (صحيح البخاري)

Nama penuh kitab: Al-Jami’ Al-Musnad Al-Sahih Al-Mukhtasar Min Umuri Rasulillah sallallahu ‘alaihi wasallam wa sunanihi wa ayyamihi

الجامع المسند الصحيح المختصر من أمور رسول الله صلى الله عليه وسلم وسننه وأيامه

Biografi penulis:

Nama penuh: Abu ‘Abdillah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughirah al-Bukhari

Tarikh lahir: Lahir pada tahun 194H di kampungnya berhampiran dengan bandar Bukhara

Kehidupan:

- Membesar sebagai anak yatim.

- Sudah mula menghafaz hadis sejak kecil.

Pengembaraan menuntut ilmu:

- Pernah pergi ke Syam, Mesir, Jazirah Arab sebanyak 2 kali.

- Ke Basrah sebanyak 4 kali.

- Tinggal di Hijaz selama 6 tahun.

- Kerapkali berulang alik ke Kufah dan Baghdad.

- Telah mengumpulkan sebanyak lebih daripada 600 000 hadis

- Beliau bukan sahaja seorang ulama hadis, bahkan beliau salah seorang daripada ulama mujtahid dalam bidang feqh yang mana ijtihadnya boleh dilihat pada nama-nama bab dalam Sahih al-Bukhari.

- Meninggal dunia pada malam aidilfitri, pada tahun 256H di kampungnya di Khartank berhampiran bandar Bukhara.

- Sebelum meninggal dunia, gabenor Bukhara telah meminta agar Imam al-Bukhari datang kepadanya untuk mengajar kitab Sahihnya dan kitab Tarikh susunan Imam al-Bukhari. Imam al-Bukhari enggan melakukan hal tersebut lalu dia terpaksa keluar dari Bukhari dan pulang ke kampungnya di Khartank.

Kedudukan Kitab Sahih al-Bukhari

- Ia merupakan kitab yang paling sahih selepas al-Quran

- Ia merupakan kitab yang pertama yang keseluruhan isinya adalah hadis sahih. Ini tidak bermaksud hadis-hadis yang tiada di dalamnya tidak sahih. Ada banyak lagi hadis sahih tetapi tidak wujud dalam kitab Sahih al-Bukhari.

- Beliau mula menulis kitab ini ketika berada di Tanah Haram dan disempurnakan ketika beliau berada di Bukhara.

- Penulisan Sahih al-Bukhari mengambil masa 16 tahun

- Beliau hanya akan meriwayatkan hadis dalam kitabnya ini selepas mandi, solat dua rakaat dan melakukan istikharah kepada Allah agar dia yakin dengan kesahihannya sebelum menuliskannya.

- Terdapat sebahagian kecil hadis yang dhaif di dalamnya, akan tetapi jumlahnya terlalu kecil, tidak habis jari di tangan untuk menghitungnya.

- Kewujudan sedikit hadis dhaif ini tidak mencacatkan kitab Sahihnya kerana itu merupakan lumrah kepada manusia.

Method Penyusunan Kitab Sahih al-Bukhari

- Ia disusun mengikut bab-bab feqh dan tajuk-tajuk ilmiah.

- Ia dibahagikan kepada kitab dan bab. Pada setiap kitab akan ada beberapa bab.

- Keseluruhannya, terdapat 97 kitab dan 340 bab.

- Isi kandungannya merangkumi aspek akidah, hukum-hakam, penyucian jiwa, adab, tafsir, sejarah, dan lain-lain. Disebabkan itu ia dipanggil Al-Jami'.

- Bab-bab dalam Sahih al-Bukhari menunjukkan kepada ijtihad feqh Imam al-Bukhari. Ulama mengkaji dengan mendalam kaitan antara nama bab dengan hadis-hadis di bawahnya. Oleh sebab itu dikatakan bahawa Fiqh Imam al-Bukhari terletak pada nama bab.

Sahih Muslim (صحيح مسلم)

Nama penuh kitab: Al-Musnad Al-Sahih Al-Mukhtasar Min al-Sunan Bi Naql Al-'Adl 'An Al-'Adl 'An Rasulillah sallallahu 'alaihi wasallam

المسند الصحيح المختصر من السنن بنقل العدل عن العدل عن رسول الله صلى الله عليه وسلم

Nama penulis: Muslim bin Hajjaj bin Muslim Al-Qusyairi Al-Nisaiburi.

Tarikh lahir: Dilahirkan pada tahun 206H di di bandar Nisaiburi. Beliau meninggal dunia pada tahun 261H di perkampungan Nasr Abad di Nisaiburi.

Pengembaraan menuntut ilmu:

- Mempelajari hadis sejak kecil lagi.

- Mengembara ke Hijaz, Syam, Mesir dan Iraq

- Belajar dengan Imam al-Bukhari dan guru-guru yang lain.

Kedudukan kitab Sahih Muslim

Ia merupakan kitab hadis yang kedua sahih selepas Sahih al-Bukhari, ia juga tidak terlepas daripada sedikit hadis dhaif.

Method penyusunan Sahih Muslim

- Ia dimulakan dengan Mukadimah. Dalam Mukadimah Sahih Muslim, beliau menerangkan tentang beberapa perkara yang berkaitan dengan Ulum al-Hadis.

- Beliau menyusun hadis-hadisnya mengikut bab feqh.

- Akan tetapi bukan Imam Muslim yang meletakkan tajuk bagi setiap bab. Tajuk-tajuk yang ada sekarang diletakkan oleh Imam Muslim di dalam syarahnya.

- Hanya hadis-hadis marfu' yang ditemui di dalam Sahih Muslim. Riwayat-riwayat tidak marfu' yang ditemui hanyalah sedikit sahaja.

Sunan Abi Daud (سنن ابي داود)

Nama penuh kitab: Al-Sunan (السنن)

Nama penuh: Al-Imam Abu Daud Sulaiman bin al-Asy'as bin Ishaq bin Basyir bin Syaddad bin 'Amru bin 'Imran bin al-Azdi al-Sijistani

Kelahiran: Dilahirkan pada tahun 202H dan meninggal dunia di Basrah pada tahun 275H.

Pengembaraan menuntut ilmu

- Mengembara ke Khurasan di Iraq, Jazirah Arab, Syam, Hijaz, Mesir, Baghdad dan kemudian tinggal di Basrah.

- Menuntut ilmu daripada ulama seperti Imam al-Bukhari, dan Imam Ahmad.

Kedudukan Kitab Sunan Abi Daud

- Ia merupakan kitab ketiga selepas Sahih al-Bukhari dan Muslim

- Di dalamnya terkandungan hadis sahih, hasan, dhaif dan sebahagian kecil hadis palsu.

- Hadis-hadis yang beliau diam daripada memberi komentar kepadanya tidak bermaksud ia hadis sahih atau hasan sahaja. Termasuk di dalamnya ialah hadis dhaif yang ringan.

Method penyusunan Sunan Abi Daud

- Ia disusun mengikut topik-topik feqh dan tajuk-tajuk ilmiah yang lain.

Jami' at-Tirmizi (جامع الترمذي)

Nama penuh kitab: Al-Jami' Al-Mukhtasar Min Al-Sunan 'An Rasulillah sallallahu 'alaihi wasallam Wa Ma'rifah Al-Sahih Wa Al-Ma'lul Wa Ma 'Alaihi Al-'Amal

الجامع المختصر من السنن عن رسول الله صلى الله عليه وسلم ومعرفة الصحيح والمعلول وما عليه العمل

Ia juga dikenali sebagai kitab Sunan at-Tirmizi. Akan tetapi yang tepat ia merupakan sebuah kitab Al-Jami' kerana isi kandungannya bukan sekadar hukum-hakam, bahkan isinya meluas kepada topik-topik yang lain.

Nama pengarang kitab: Al-Imam Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Saurah at-Tirmizi as-Sulami.

Tarikh kelahiran: Beliau dilahirkan di perkampungan Bauj berhampiran perkampungan Tirmiz pada tahun 200H. Imam at-Tirmizi meninggal dunia pada tahun 279H.

Pengembaraan menuntut ilmu:

- Beliau banyak mempelajari dan mengambil hadis daripada ramai ulama di Khurasan, 'Iraq, Hijaz.

- Beliau merupakan antara murid cemerlang kepada Imam al-Bukhari, dan beliau juga belajar dengan Imam Muslim.

Kedudukan Kitab Jami' at-Tirmizi

- Ia berada di tempat keempat selepas kitab Sunan Abi Daud. Beliau hanya mengeluarkan hadis-hadis yang diamalkan oleh ulama-ulama feqah. Di dalam kitab ini terdapat hadis sahih, hasan, dhaif, dan sebahagian kecil hadis palsu.

Methodologi penyusunan kitab

- Hadis-hadis yang wujud dalam kitab ini merupakan hujah-hujah yang digunakan oleh ulama-ulama feqh untuk pendapat-pendapat feqh mereka.

- Imam at-Tirmizi akan menerangkan status hadis tersebut, siapakah ulama yang beramal dengannya, dan apa pula kecacatan yang ada pada riwayat tersebut.

- Kitab ini disusun mengikut bab feqh

Sunan an-Nasaie (سنن النسائي)

Nama kitab: Al-Mujtaba Min Al-Sunan (المجتبى من السنن)

Dikatakan bahawa Sunan an-Nasaie merupakan ringkasan Imam an-Nasaie kepada kitabnya sendiri yang bertajuk Al-Sunan Al-Kubra. Akan tetapi Sunan an-Nasaie yang juga dikenali sebagai As-Sunan As-Sughra hakikatnya merupakan sebuah kitab yang berasingan. Ini kerana di dalamnya terdapat riwayat-riwayat yang tiada di dalam Al-Sunan Al-Kubra, dan susunannya juga tidak mengikut tertib susunan Al-Sunan Al-Kubra,

Ulama membincangkan adalah Sunan an-Nasaie merupakan susunan Imam an-Nasaie sendiri ataupun ia merupakan ringkasan anak muridnya, iaitu Imam Ibn As-Sunni, kepada kitab asalnya Al-Sunan Al-Kubra.

Nama pengarang: Al-Imam Abu Abdul Rahman Ahmad bin Syu'aib An-Nasaie.

Kelahiran: Beliau dilahirkan di bandar Nasa berhampiran dengan Khurasan pada tahun 215H. Beliau mula menuntut ilmu sejak kecil lagi.

Pengembaraan menuntut ilmu

Beliau mula mengembara mencari ilmu seawal usia 15 tahun. Antara tempat yang beliau pergi ialah: Khurasan, 'Iraq, Syam, Hijaz, Mesir, Jazirah Arab. Beliau menetap di Mesir sehingga tahun 302H kemudian berpindah ke Damsyik. Beliau meninggal dunia pada tahuh 303H.

Kedudukan kitab

Ia merupakan kitab kelima selepas Jami' at-Tirmizi menurut majoriti ulama. Sebahagian mengutamakannya berbanding Jami' at-Tirmizi. Antara keistimewaan Sunan an-Nasaie ialah ia merupakan kitab yang paling sedikit hadis dhaif selepas Sahihain. Kitab ini disusun mengikut topik-topik feqh.

Sunan Ibnu Majah (سنن ابن ماجه)

Nama kitab: Sunan al-Mustafa sallallahu 'alaihi wasallam (سنن المصطفى صلى الله عليه وسلم)

Biografi penulis:

Beliau ialah Al-Imam Muhammad bin Yazid Abu 'Abdillah bin Majah Al-Quzwaini. Beliau dilahirkan pada tahun 209H di bandar Quzwain iaitu salah satu bandar yang terkenal di 'Iraq. Beliau meninggal dunia pada bulan Ramadhan tahun 273H.

Pengembaraan menuntut ilmu:

Beliau mengembar mencari hadis di 'Iraq, Mekah, Syam, Mesir. Beliau mendengar hadis daripada anak-anak murid Imam Malik, dan Al-Laits bin Sa'ad.

Kedudukan Sunan Ibnu Majah:

Ia merupakan kitab yang keenam. Di dalamnya terdapat hadis sahih, hasan, dhaif, dan sebahagian kecil hadis palsu dan munkar.

Method penyusunan Sunan Ibnu Majah:

- Ia dimulakan dengan mukadimah yang berisikan gesaan untuk berpegang kepada as-Sunnah dan menjauhi bid'ah.

- Ia juga mengumpulkan hadis-hadis fadhail sahabat, dan bab-bab feqh

- Antara keistimewaan kitab ini ia mengandungi banyak riwayat-riwayat yang tiada dalam 5 kitab hadis yang utama iaitu sekitar 1552 hadis.

Muwatta' Imam Malik (موطأ امام مالك)

Nama kitab: Al-Muwatta'

Nama pengarang: Imam Darul Hijrah Abu 'Abdillah Malik bin Anas bin Abi 'Amir al-Asbahiy. Beliau dilahirkan di Madinah pada tahun 93H dan meninggal di sana pada tahun 179H. Beliau mengambil hadis daripada tokoh-tokoh di Madinah seperti Az-Zuhri, Nafi' dan lain-lain.

Kitab al-Muwatta' ditulis atas permintaan Khalifah Al-Mansur ketika beliau menunaikan haji. Kitab ini mengambil masa 40 tahun untuk disiapkan.

Kedudukan Kitab Al-Muwatta'

- Ia merupakan antara kitab hadis yang paling awal disusun oleh para ulama.

- Imam al-Syafie menyatakan: Kitab yang paling sahih selepas kitab Allah ialah Muwatta' Imam Malik.

- Sebahagian ulama menyatakan kitab ini lebih utama daripada Sahihain, sebahagian lagi menyatakan ia berada pada kedudukan yang sama dengan Sahihain, sebahagian lagi menyatakan kedudukannya adalah selepas Jami' at-Tirmizi atau Sunan an-Nasaie.

- Di dalam kitab ini terdapat hadis-hadis Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam, Athar sahabat, tabi'in dan Ahli Madinah.

Sunan ad-Darimi (سنن الدارمي)

Nama kitab: As-Sunan. Ia juga dipanggil Al-Musnad.

Nama pengarang: Al-Imam Abu Muhammad Abdullah bin Abdul Rahman bin Al-Fadhl bin Buhram ad-Darimi al-Samarqandi.

Beliau dilahirkan pada tahun 181H dan meninggal dunia pada hari tarwiyah tahun 255H.

Beliau mengembara menuntut ilmu di Mesir, Syam, 'Iraq dan dua tanah haram.

Kedudukan kitab Sunan Ad-Darimi

- Sebahagian ulama menyatakan bahawa kitab ini termasuk dalam Al-Kutub Al-Sittah menggantikan Sunan Ibn Majah.

- Di dalamnya terdapat juga riwayat Mursal, Munqathi', Mu'dhal, dan Maqtu'.

- Kitab ini disusun mengikut topik-topik feqh.

Musnad Al-Imam Ahmad bin Hanbal (مسند أحمد بن حنبل)

Nama kitab: Al-Musnad kerana hadis-hadis dalam kitab ini disusun mengikut nama sahabat.

Nama pengarang: Al-Imam Abu 'Abdillah Ahmad bin Muhammad bin Hanbal al-Syaibani. Beliau merupakan seorang imam mazhab yang terkenal. Imam Ahmad dilahirkan pada tahun 164H di Baghdad.

Pengembaraan menuntut ilmu:

Sewaktu kecil, beliau mengambil ilmu di majlis Al-Qadhi Abu Yusuf yang merupakan anak murid kepada Imam Abu Hanifah. Beliau juga banyak meriwayatkan pendapat feqh dan hadis daripada Imam Al-Syafie.

Imam Ahmad turut mengembara ke Mesir, Syam dan sebagainya untuk menuntut ilmu. Imam Abu Zur'ah ar-Razi menyatakan bahawa Imam Ahmad menghafaz 1 juta hadis.

Beliau diseksa dan dipenjarankan kerana enggan mengakui akidah sesat pemerintah ketika itu yang menyatakan bahawa al-Quran adalah makhluk. Beliau meninggal dunia di Baghdad pada tahun 241H.

Kedudukan kitab Musnad Ahmad:

- Imam Ahmad meriwayatkan daripada para sahabat yang disebutkan namanya atau tidak disebutkan namanya sebanyak 1056 hadis.

- Anak Imam Ahmad, iaitu 'Abdullah, menambahkan sebanyak 10 ribu hadis lagi.

- Sebahagian ulama menyatakan kesemua riwayat dalam Musnad Ahmad adalah sahih. Akan tetapi dakwaan ini tidak benar kerana di dalamnya jua terdapat riwayat hasan, dhaif, munkar, dan maudhu'.

Methodologi kitab

- Kitab ini disusun mengikut nama sahabat. Contohnya riwayat-riwayat daripada Abu Bakar as-Siddiq radiallahu 'anhu akan diletakkan di bawah tajuk : Musnad Abu Bakar.

- Ia dimulakan dengan hadis-hadis daripada 10 sahabat yang dijamin syurga, kemudian ahlul bait, dan kemudian sahabat-sahabat yang lain.

Hadis-hadis yang diterima (مقبول)

Hadis-hadis yang diterima boleh dibahagikan kepada empat bahagian iaitu:

1- Sahih/Sahih Lizatihi

2- Sahih Lighairihi

3- Hasan/Hasan Lizatihi

4- Hasan Lighairihi

Hadis Sahih Lizatihi (الصحيح لذاته)

Pada bahasanya ia bermaksud sihat iaitu bebas daripada sakit.

Hadis sahih lizatihi atau dikenali dengan sahih pada istilahnya merujuk kepada hadis yang memenuhi syarat-syarat berikut:

1- Bersambung sanadnya

2- Kesemua perawinya adalah ‘adil

3- Kesemua perawinya adalah sempurna dhabt’nya

4- Tidak ada syaz (iaitu tidak bercanggah dengan riwayat perawi yang lebih kuat)

5- Tidak ada ‘illah (iaitu tiada kecacatan tersembunyi)

Apabila gugur satu sahaja syarat-syarat di atas, maka riwayat tersebut tidak boleh dihukum sebagai sahih.

Bersambung sanad (اتصال السند)

Ia bermaksud setiap perawi itu mengambil hadis terus daripada perawi yang sebelumnya. Ia ditunjukkan dengan lafaz-lafaz seperti: Dia telah menyampaikan kepada aku/kami (حدثني \ حدثنا), atau ; saya/kami telah mendengar (سمعت \ سمعنا).

Adapun lafaz tidak jelas seperti daripada (عن), si fulan berkata (قال فلان) dan sejenisnya; ia boleh membawa maksud si perawi mengambil hadis terus daripada yang menyampaikannya dan boleh juga membawa maksud sebaliknya.

Akan tetapi jika lafaz sebegini digunakan oleh perawi yang thiqah yang tidak dikenali sebagai mudallis, maka ia menunjukkan bahawa dia mengambil hadis itu terus daripada perawi sebelumnya.

Jika lafaz yang tidak jelas itu digunakan oleh perawi yang terkenal sebagai mudallis, maka ia akan berkaitan dengan perbincangan hadis mudallas yang akan dibincangkan nanti.

Oleh kerana itu, apa sahaja riwayat yang terputus sanadnya seperti mu’allaq, mursal, mu’dhal, munqathi’, mudallas, dan sebagainya adalah terkeluar daripada hadis yang sahih.

Ini kerana apabila terputusnya satu atau lebih dalam sanad sesebuah riwayat, ini menunjukkan adanya nama perawi yang gugur. Boleh jadi nama yang gugur itu adalah perawi yang dhaif, maka riwayat sebegini tidak boleh dihukum sebagai sahih.

Sifat ‘Adil perawi (عدالة الرواة)

Sifat ‘adil perawi adalah berkaitan dengan kelazimannya dalam bertaqwa dan menjaga maruah. Sifat ‘adil akan wujud apabila tercantum pada seseorang perawi ciri-ciri berkaitan:

a- Islam: Ia merupakan syarat ketika menyampaikan hadis, dan bukannya ketika menerima hadis. Jika seorang kafir mendengar hadis nabi sallallahu ‘alaihi wasallam sebelum dia memeluk Islam, kemudian selepas memeluk Islam dia menyampaikan hadis tersebut, maka hadis itu diterima. Akan tetapi jika dia menyampaikan hadis itu ketika dia masih dalam keadaan kafir, maka riwayat yang beliau sampaikan ditolak.

b- Baligh: Ini kerana ia merupakan permulaan seseorang itu memikul tanggungjawab dan kewajipan. Ia jua merupakan syarat penyampaian hadis, dan bukan syarat ketika menerima hadis. Jika seorang kanak-kanak yang mumaiyiz mendengar hadis, kemudian selepas baligh dia menyampaikan hadis itu, maka periwayatannya diterima. Akan tetapi jika dia menyampaikan hadis ketika dia masih kecil, maka itu tidak diterima.

c- Berakal.

d- Tidak fasiq: Fasiq ialah orang yang melakukan dosa-dosa besar dan berterusan melakukan dosa-dosa kecil, dan melakukan bid’ah.

e- Tidak melakukan perkara yang merosakkan maruah: Ia termasuk menjauhi perkara-perkara yang hukum asalnya mubah atau harus, akan tetapi ia menjatuhkan maruah pada sudut pandangan masyarakat,

Daripada lima perkara di atas, maka orang kafir, fasiq, gila, kanak-kanak, dan orang yang tidak diketahui keadaannya terkeluar daripada status ‘adalah.

Bagaimana keadilan seseorang perawi diketahui?

1- Masyhur dengan sifat ‘adil: Terdapat sebahagian perawi yang memang sudah masyhur dan terkenal, dan mereka diterima umum sebagai orang yang ‘adil yang boleh dipercayai lagi amanah. Ini seperti Imam Malik, Abu Hanifah, Al-Syafie, Ahmad, Al-Qadhi Abu Yusuf, Muhammad bin Hassan al-Shaibani, Syu’bah, Sufyan at-Tsauri, Sufyan bin ‘Uyainah, Yahya bin Ma’in, Ali bin al-Madini dan seumpama mereka. Tokoh-tokoh seperti ini tidak perlu lagi untuk dikaji dan dibahaskan sifat ‘adalah mereka.

2- Melalui komentar ulama al-Jarh wa at-Ta’dil: Para ulama’ al-Jarh wa at-Ta’dil akan memberikan komentar-komentar kepada para perawi tentang status mereka sama ada boleh diterima atau tidak periwayatan mereka.

Sifat Dhabt Perawi (ضبط الراوي)

Hal ini melibatkan sejauh mana seorang perawi itu benar-benar menjaga atau memelihara hadis-hadis yang pernah beliau dengar. Ia boleh dibahagikan kepada dua perkara:

1- Dhabt pada hafazan (ضبط صدر)

Perawi itu menghafaz hadis-hadis yang dia pernah dengar dengan baik.

2- Dhabt pada penulisan (ضبط كتاب)

Perawi itu menulis apa yang dia dengar dengan baik, dan memeliharanya daripada berlaku sebarang bentuk penukaran.

Sifat dhabt seorang perawi diketahui dengan cara berikut:

1- Membandingkan riwayat-riwayat para sahabat nabi radiallahu ‘anhu dalam sesuatu perkara.

2- Membandingkan riwayat-riwayat seorang muhaddis pada zaman yang berbeza-beza.

3- Membandingkan riwayat-riwayat anak-anak murid yang belajar daripada shaikh yang sama.

4- Membandingkan riwayat-riwayat perawi itu dengan perawi sezaman.

5- Membandingkan riwayat-riwayat perawi itu dengan nas-nas al-Quran.

6- Membandingkan riwayat yang ditulis dengan yang dihafaz, dan yang ditulis dengan yang ditulis.

Tidak ada syaz (سلامته من الشذوذ)

Riwayat tersebut tidak bercanggah dengan riwayat yang dibawa oleh perawi yang lebih thiqah atau tidak bercanggah dengan riwayat yang dibawa ramai perawi thiqah. Hal ini akan dibincangkan dalam bab hadis syaz.

Tidak ada ‘illah (سلامته من العلة القادحة)

Riwayat tersebut tidak mempunyai kecacatan tersembunyi. Hal ini akan dibincangkan lebih lanjut dalam bab hadis ma’lul.

Hukum beramal dengan hadis sahih

Wajib beramal dengan hadis sahih dalam segala hal dan ini merupakan ijma’ para ulama.

Martabat hadis sahih lizatihi

Terdapat tujuh martabat hadis sahih lizatihi iaitu:

1- Iaitu apa yang disepakati kesahihannya oleh Imam al-Bukhari dan Muslim. Ini dipanggil muttafaq ‘alaih. Ia merupakan martabat sahih yang paling tinggi.

2- Apa yang disahihkan oleh Imam al-Bukhari sahaja.

3- Apa yang disahihkan oleh Imam Muslim sahaja.

4- Apa yang sahih menurut syarat Imam al-Bukhari dan Muslim, akan tetapi mereka tidak mengeluarkan hadis itu dalam kitab sahih mereka.

5- Apa yang sahih menurut Imam al-Bukhari tetapi tiada dalam sahihnya.

6- Apa yang sahih menurut Imam Muslim tetapi tiada dalam sahihnya.

7- Apa yang sahih menurut ulama-ulama hadis yang lain.

Hadis Sahih Lighairihi (الصحيح لغيره)

Ia merupakan riwayat yang pada asalnya berstatus hasan lizatihi. Akan tetapi kerana terdapat banyaknya jalan periwayatan lain yang setaraf atau lebih kuat daripadanya yang menyokong riwayat tersebut, maka ia menaikkan riwayat hasan itu menjadi sahih lighairihi. Ia dinamakan sahih lighairihi kerana ia mendapat status sahih kerana sokongan riwayat yang lain, dan bukannya menjadi sahih kerana ia memenuhi syarat hadis sahih.

Kedudukan sahih lighairihi

Ia berada di martabat kedua selepas sahih lizatihi, dan atas daripada hasan lizatihi. Apabila berlaku pertembungan antara sahih lizatihi dan sahih lighairihi, maka diutamakan yang sahih lizatihi. Apabila berlaku pertembungan antara sahih lighairihi dan hasan lizatihi, maka diutamakan sahih lighairihi.

Wajib beramal dengan hadis-hadis sahih lighairihi sebagaimana wajibnya beramal dengan hadis-hadis sahih lizatihi.

Hadis Hasan Lizatihi (الحسن لذاته)

Ia merupakan sebuah hadis yang memenuhi 5 syarat berikut iaitu:

1- Bersambung sanad

2- Kesemua perawi yang ‘adil

3- Kesemua perawi dhabt akan tetapi tahap dhabtnya rendah berbanding dhabt perawi hadis sahih.

4- Tidak syaz

5- Tiada ‘illah

Oleh kerana itu perbezaan antara hadis hasan lizatihi dan sahih lizatihi hanyalah pada dhabt perawinya di mana ia lebih rendah berbanding dhabt perawi sahih.

Kedudukan hadis hasan lizatihi

Ia berada selepas kedudukan hadis sahih lighairihi dan di atas hadis hasan lighairihi. Oleh itu apabila berlaku pertembungan hadis sahih lizatihi atau lighairihi dengan hadis hasan lizatihi, maka diutamakan yang sahih. Apabila hadis hasan lizatihi bertembung dengan hadis hasan lighairihi, maka diutamakan yang hasan lizatihi.

Wajib beramal dengan hadis hasan lizatihi sebagaimana wajib beramal dengan hadis sahih lizatihi dan lighairihi.

Hadis Hasan Lighairihi (الحسن لغيره)

Ia merupakan riwayat yang pada asalnya berkedudukan dhaif ringan akan tetapi dapat dinaikkan statusnya menjadi hasan lighairihi kerana disokong oleh banyak jalan periwayatan sama ada yang sama kuat dengannya atau yang lebih kuat daripadanya.

Bukan kesemua hadis dhaif boleh dinaikkan statusnya menjadi hadis hasan lighairihi. Ia hanyalah untuk hadis yang dhaifnya ringan sahaja.

Hadis dhaif yang ringan ialah hadis yang menjadi dhaif disebabkan oleh buruknya hafazan salah seorang perawi, atau terputus sanadnya, atau perawinya tidak dikenali. Oleh kerana itu hadis-hadis yang dapat dinaikkan ini adalah hadis-hadis: al-Mu'allaq, al-Mursal, al-Mu'dhal, al-Munqathi', al-Mudallas, al-Mursal al-Khafiy, hadis al-Mukhtalit wa al-Mutalaqqin, dan hadis yang perawinya majhul atau mubham.

Oleh kerana itu hadis yang berat kelemahannya, iaitu hadis yang perawinya pendusta, ditohmah sebagai pendusta, fasiq, mubtadi', bercanggah dengan perawi thiqah, wahm, maka semua ini tidak dapat dinaikkan menjadi hasan lighairihi.

Hadis-hadis ini dikenali sebagai: Al-Maudhu', Al-Matruk, Al-Munkar, Hadis al-Mubtadi' tentang bid'ahnya, hadis al-Syaz, Al-Ma'lul.

Martabat Hasan Lighairihi

Ia merupakan martabat terakhir untuk hadis-hadis yang diterima. Ia digunakan untuk berhujah dalam segala hal.

Hadis-Hadis Yang Tertolak Dan Jenis-Jenisnya

Apakah itu hadis mardud (مردود)/ yang ditolak:

Ia merupakan hadis-hadis yang telah hilang padanya satu atau sebahagian daripada syarat-syarat hadis yang diterima yang telah disebut sebelum ini.

Apakah sebab-sebab sesuatu hadis itu tertolak?


Terdapat banyak sebab hadis-hadis itu dikira tertolak. Akan tetapi ia boleh diringkaskan kepada dua sebab utama iaitu:

1- Gugurnya perawi/terputusnya sanad.

2- Kritikan kepada kredibliti perawi

Jenis-jenis hadis mardud:

Hadis-hadis mardud terdiri daripada pelbagai jenis, yang mana ia mempunyai nama-nama yang berbeza bergantung kepada sebab kecacatan hadis tersebut.



Hadis Dhaif/Lemah:

Bahasa: Ia merupakan perkataan lawan kepada kuat.

Istilah: Ia merupakan hadis-hadis yang tidak terkumpul padanya sifat-sifat hadis maqbul.

Hadis dhaif mempunyai jenis-jenis dan martabatnya bergantung kepada tahap kelemahan hadis tersebut.

Hukum meriwayatkan hadis dhaif

Dibenarkan meriwayatkan hadis dhaif <u>dengan sanad</u> tanpa menyebutkan kelemahannya selagi mana hadis itu tidak berkaitan dengan akidah, halal dan haram, hukum-hakam yang lain. Ia dibenarkan apabila hadis-hadis tersebut berkaitan dengan nasihat, galakan dan amaran, fadhail amal, kisah-kisah dan yang seumpama dengannya. Ini merupakan pegangan majoriti ulama hadis antaranya: Sufyan at-Tsauri, Ibn al-Mubarak, Ibn Mahdi, Ahmad bin Hanbal dan lain-lain.

Akan tetapi sesiapa yang ingin meriwayatkan hadis dhaif tanpa sanadnya, hendaklah dia meriwayatkan dengan lafaz yang menunjukkan atau <u>mengisyaratkan kelemahan</u> hadis tersebut contohnya: Diriwayatkan daripada, dikatakan dan lafaz-lafaz lain yang akan menunjukkan bahawa hadis itu adalah hadis lemah. Tidak dibenarkan meriwayatkan ia tanpa sanad dengan menyatakan secara pasti bahawa Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam berkata, atau daripada Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam, dan seumpamanya yang akan menyebabkan ia disangka sebagai riwayat yang sahih.

Hukum beramal dengan hadis dhaif

Ulama berbeza pendapat tentang beramal dengan hadis dhaif.

Pendapat pertama: Tidak boleh beramal dengan hadis dhaif secara mutlak. Ini merupakan pendapat Yahya bin Ma’in, Abu Bakar bin al-Arabi, Ibn Hazm dan selainnya. Ini juga pendapat Ahmad Muhammad Syakir, dan Nasiruddin al-Albani.

Pendapat kedua: Boleh beramal dengannya secara mutlak dengan dua syarat:

1- Kelemahan hadis itu tidak berat.

2- Tidak ada hadis lain dalam bab tersebut.

Ini merupakan pendapat Imam Ahmad, Abu Daud, dan sejumlah ulama yang lain. Dinukilkan juga bahawa ini merupakan pendapat Imam Abu Hanifah dan Imam Malik.

Pendapat ketiga: Ia boleh digunakan dalam bab kelebihan amalan, sirah, galakan dan amaran, dan tidak boleh digunakan dalam hukum-hakam, apatah lagi dalam bab aqidah. Ini merupakan pendapat majoriti ulama dengan beberapa syarat.

1- Hadis itu dhaifnya ringan. Adapun hadis yang berat dhaifnya seperti hadis maudhu, munkar, dhaif jiddan, syaz dan sejenisnya; maka ia tidak boleh diamalkan.

2- Hadis-hadis tersebut berkaitan dengan fadhail amal, atau balasan pahala dan dosa untuk sesuatu yang pada asalnya memang telah disyariatkan melalui dalil-dalil yang kuat.

3- Hadis-hadis tersebut tidak pula memperincikan tatacara ibadah sama ada dalam bentuk tertentu atau waktu yang tertentu. Ini kerana ia akan termasuk dalam kategori bid'ah idhofiyyah. Ia seperti riwayat-riwayat yang mengkhususkan hari Asyura untuk bersedekah, atau hadis berkaitan fadhilat solat Raghaib. Ini kerana tiada dalil sahih yang mengkhususkan hari atau bentuk ibadah tersebut.

4- Tidak mempopularkan hadis tersebut kerana ditakuti manusia akan menjadikan hadis lemah sebagai sumber asas sesuatu amalan, dan menyangka ia merupakan hadis yang sahih.

5- Ia tidak bercanggah dengan dalil lain yang lebih kuat.

Kesan bermudah-mudah dalam beramal dengan hadis dhaif

Apa yang berleluasa di zaman kini ialah pengamalan dan penyebaran hadis dhaif tanpa mengambil kira syarat-syarat yang telah digariskan, bahkan, ia membawa kepada penyebaran hadis-hadis yang tersangat dhaif. Antara kesannya ialah:

1- Bercampur-baurnya antara riwayat yang lemah dan yang kuat kerana ia disebarkan tanpa dinyatakan status hadis tersebut.

2- Terjebaknya dalam kesalahan berdusta ke atas Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam.

3- Tersebarnya bid'ah-bid'ah dalam agama kerana tersebarnya hadis-hadis lemah tanpa mematuhi syarat yang telah ditetapkan.

Jenis-Jenis Hadis Dhaif Disebabkan Gugurnya Perawi Dalam Sanad

Definisi: Iaitu terputusnya sanad dengan gugurnya seorang perawi atau lebih, samaada disengajakan atau tidak disengajakan, samaada di awal sanad atau di hujungnya atau di pertengahannya, sama ada gugur yang jelas atau tersembunyi.

Gugurnya perawi pada sanad boleh dibahagikan kepada dua bahagian:

1- Keguguran yang jelas – Dapat diketahui apabila secara jelas bahawa perawi itu tidak pernah bertemu kerana tidak hidup sezaman atau tidak pernah bertemu. Jenis-jenis ialah Al-Mu'allaq, Al-Mursal, Al-Mu'dhal dan Al-Munqathi;.

2- Keguguran yang tersembunyi – Hanya dapat diketahui oleh mereka yang mengkaji jalan-jalan periwayatan secara menyeluruh sehingga menemui kecacatan yang tersembunyi pada jalan-jalan periwayatan itu. Ia terbahagi kepada dua bentuk iaitu: Al-Mudallis dan Al-Mursal Al-Khafiy

Al-Mu’allaq (المعلق)

Ia merupakan hadis yang dihilangkan nama perawinya sama ada seorang atau lebih atau keseluruhan sanad. Contohnya;

> Imam al-Bukhari berkata: Berkata Malik, daripada Nafi’, daripada Ibn ‘Umar, daripada Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam
>
> Imam al-Bukhari berkata: Berkata az-Zuhri, daripada Abu Salamah, daripada Abu Hurairah, daripada Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam
>
> Imam al-Bukhari berkata: Berkata Mujahid, daripada Ibn ‘Abbas, daripada Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam
>
> Imam al-Bukhari berkata: Berkata Ibn ‘Abbas, daripada nabi sallallahu ‘alaihi wasallam
>
> Imam al-Bukhari berkata: Berkata Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam

Contoh-contoh di atas dikatakan mu’allaq kerana Imam al-Bukhari telah memadamkan sebahagian atau keseluruhan sanad riwayat tersebut. Antara Imam al-Bukhari dan perawi yang pertama disebutkan atau Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam sendiri, terdapat nama-nama perawi yang tidak dinyatakan.

Status hadis al-Mu’allaq:

Ia merupakan hadis yang ditolak pada asalnya. Ini kerana hilang atau gugurnya nama perawi daripada sanad akan menyebabkan status kredibliti perawi itu tidak diketahui sama ada dia thiqah atau pun dhaif. Oleh kerana itu riwayat itu perlu ditolak kecuali apabila ia telah diriwayatkan dengan jalan lain secara bersambung. Apabila ini berlaku, ia boleh dikuatkan menjadi hadis hasan lighairihi. Lalu ia diterima.

Contoh-contoh hadis al-Mu’allaq:

Dalam Sahihnya, Imam al-Bukhari menyebutkan riwayat berikut tanpa sanadnya:

وَيُذْكَرُ عَنْ عُثْمَانَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَهُ: «إِذَا بِعْتَ فَكِلْ، وَإِذَا ابْتَعْتَ فَاكْتَلْ.»

Akan tetapi riwayat ini telah diriwayatkan dalam Sunan ad-Daraquthni dengan sanadnya:

حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ حَمَّادٍ حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ مَنْصُورٍ وَمُحَمَّدُ بْنُ إِسْحَاقَ وَمُحَمَّدُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ السُّلَمِىُّ قَالُوا حَدَّثَنَا أَبُو صَالِحٍ حَدَّثَنِى يَحْيَى بْنُ أَيُّوبَ عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ بْنِ الْمُغِيرَةِ عَنْ مُنْقِذٍ مَوْلَى سُرَاقَةَ عَنْ عُثْمَانَ بْنِ عَفَّانَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ –صلى الله عليه وسلم– قَالَ لِعُثْمَانَ « إِذَا ابْتَعْتَ فَاكْتَلْ وَإِذَا بِعْتَ فَكِلْ.»

Status Hadis al-Mu’allaq dalam Sahih al-Bukhari

Riwayat-riwayat Mu’allaq dalam Sahih al-Bukhari berjumlah sekitar 1341 riwayat. Statusnya adalah seperti berikut:

1- Riwayat mu’allaq yang Imam al-Bukhari telah membawakan sanad yang bersambung pada tempat yang lain dalam sahihnya. Maka riwayat ini sahih.

2- Riwayat itu Imam al-Bukhari riwayatkan secara mu'allaq sahaja, maka ia terbahagi kepada dua bentuk:

A- Disampaikan dalam bentuk **jazam/pasti**. Ia terbahagi kepada dua bahagian.

1- Apabila riwayat muallaq itu yang dalam bentuk jazam itu bermula pada <u>nama sahabat</u> atau <u>nabi sallallahu 'alaihi wasallam</u> maka ia sahih. Lafaz jazam adalah seperti si fulan berkata (**قال فلان** atau **يقول فلان**), si fulan menyebutkan (**ذَكَرَ فلان** atau **يَذْكُرُ فلان**), si fulan meriwayatkan (**رَوَى فلان** atau **يَرْوِي فلان**). Contohnya seperti berikut:

> Imam al-Bukhari berkata: Berkata Ibn 'Abbas, daripada nabi sallallahu 'alaihi wasallam
>
> Imam al-Bukhari berkata: Berkata Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam

2- Apabila riwayat muallaq itu yang dalam bentuk jazam itu <u>bermula daripada bukan sahabat</u>. Maka ia tidak dihukumkan sahih secara mutlaq. Ia boleh jadi sahih atas syarat Imam al-Bukhari, sahih atas syarat imam yang lain, hasan, atau dhaif. Akan tetapi kedhaifan riwayat itu bukanlah disebabkan masalah pada perawinya, akan tetapi kerana terputusnya sanad ia. Contohnya seperti berikut:

> Imam al-Bukhari berkata: Berkata Malik, daripada Nafi', daripada Ibn 'Umar, daripada Nabi sallallahu 'alaihi wasallam
>
> Imam al-Bukhari berkata: Berkata az-Zuhri, daripada Abu Salamah, daripada Abu Hurairah, daripada Nabi sallallahu 'alaihi wasallam
>
> Imam al-Bukhari berkata: Berkata Mujahid, daripada Ibn 'Abbas, daripada Nabi sallallahu 'alaihi wasallam

B- Apabila riwayat mu'allaq itu diriwayatkan dalam bentuk isyarat adanya kelemahan/tamridh seperti: Dikatakan (**قيل** atau **يقال**), diriwayatkan (**رُوِيَ** atau **يُرْوَى**), dan sebagainya. Maka riwayat itu adalah tidak sahih pada kebanyakannya. Ada sebahagian kecil yang sahih atas syarat Imam al-Bukhari, atas syarat imam yang lain, hasan dan dhaif.

Al-Mursal (المرسل)

Iaitu hadis yang gugur pada sanadnya selepas perawi tabi'in, iaitu apabila tabi'in tersebut meriwayatkan terus daripada Nabi sallallahu 'alaihi wasallam tanpa menyebutkan nama tabi'in yang menyampaikan kepadanya atau nama sahabat.

Status hadis Mursal

Hadis Mursal pada asalnya merupakan sebuah riwayat yang dhaif. Ini kerana terputusnya sanad antara tabi'in sehingga Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam menyebabkan status perawi yang hilang daripada sanad itu tidak diketahui. Ini dapat dilihat pada contoh di bawah:

Imam Abu Daud dalam kitabnya Al-Marasil membawakan riwayat berikut:

حَدَّثَنَا وَهْبُ بْنُ بَقِيَّةَ ، عَنْ خَالِدٍ ، عَنْ يُونُسَ ، **عَنِ الْحَسَنِ** ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ لِلْقَوْمِ ، فَلْيَقْدِرِ الصَّلاةَ بِأَضْعَفِهِمْ ، فَإِنَّ وَرَاءَهُ الْكَبِيرُ ، وَالضَّعِيفُ ، وَذَا الْحَاجَةِ ، وَالْمَرِيضُ ، وَالْبَعِيدُ. "

Wahb bin Baqiyyah → Khalid → Yunus → **Al-Hasan** → Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam

Al-Hasan al-Basri merupakan seorang tabi'in. Mustahil beliau mendengar terus daripada Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam. Oleh kerana itu tidak diketahui adakah antara al-Hasan al-Basri dengan nabi sallallahu 'alaihi wasallam adalah seorang sahabat, atau al-Hasan mendengar hadis ini daripada tabi'in yang lain. Seandainya ia daripada tabi'in yang lain, ada kemungkinan tabi'in yang al-Hasan mengambil hadis daripadanya itu merupakan seorang perawi yang lemah.

Khilaf ulama

Ulama berbeza pendapat tentang riwayat mursal daripada tabi'in. Ini kerana kebiasaannya nama yang gugur pada sanad itu adalah nama sahabat, dan status sahabat-sahabat nabi sallallahu 'alaihi wasallam kesemuanya adalah 'adil.

Pendapat pertama: Riwayat mursal adalah riwayat lemah dan tertolak. Ini merupakan pendapat majoriti ulama hadis seperti Imam Muslim, at-Tirmizi, Ibn 'Abdil Barr, Ibn al-Solah dan selain daripada mereka. Ini kerana terdapat kemungkinan perawi yang gugur pada sanad itu bukanlah sahabat nabi.

Pendapat kedua: Ia diterima sebagai hujah dengan bersyarat. Ini merupakan pendapat mazhab 3 imam iaitu Abu Hanifah, Malik dan Ahmad dengan syarat:

a- Ia diriwayatkan secara mursal oleh seorang yang thiqah.

b- Diketahui bahawa perawi itu tidak akan meriwayatkan secara mursal kecuali daripada perawi yang thiqah jua.

Mereka berhujah bahawa seorang tabi'in yang thiqah tidak akan bermudah-mudah untuk menyatakan: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda; melainkan dia mendapat riwayat itu daripada perawi yang thiqah jua. Jika tidak, status thiqah tabi'in itu sendiri akan diragui.

Pendapat ketiga: Ini merupakah pendapat Imam al-Syafie. Riwayat mursal daripada Kibar at-Tabi'in sahaja yang akan diterima. Ini seperti Sa'id bin al-Musayyib dan selainnya. Mursal yang diterima ini adalah seperti berikut:

a- Ia diriwayatkan oleh ulama hadis yang lain dengan sanad yang sahih. Maka ia diterima.

b- Jika hanya ulama itu sahaja satu-satunya yang meriwayatkan riwayat Mursal itu; ia hanya boleh diterima apabila

1- Terdapat riwayat Mursal lain yang datang daripada perawi yang lain.

2- Atau ia dikuatkan oleh kata-kata sahabat-sahabat nabi atau fatwa kebanyakan ulama.

3- Atau ulama yang mengirsalkan riwayat itu dikenali hanya akan menghilangkan nama perawi yang thiqah sahaja.

Ia boleh dikuatkan dengan riwayat lain

Riwayat mursal boleh dikuatkan apabila ada jalan periwayatan lain yang statusnya sama atau lebih kuat daripadanya. Contohnya adalah riwayat berikut:

عبد الرزاق عن معمر عن يزيد بن يزيد بن جابر أحسبه **عن مكحول** قال جعل رسول الله صلى الله عليه و سلم للفرس العربي سهمين ولفارسه سهم يوم خيبر قال يزيد فحدثت معاوية بن هشام بهذا الحديث فقبله

[Musannaf Abdul Razzaq, no: 9319]. Makhul merupakan seorang tabi'in saghir, akan tetapi riwayat di atas naik menjadi hasan lighairihi kerana terdapat riwayat di bawah:

حَدَّثَنَا عُبَيْدُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ، عَنْ أَبِي أُسَامَةَ، عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ، عَنْ نَافِعٍ، عَنِ ابْنِ عُمَرَ . رضى الله عنهما أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم جَعَلَ لِلْفَرَسِ سَهْمَيْنِ وَلِصَاحِبِهِ سَهْمًا. ...

[Sahih al-Bukhari, Kitab al-Jihad wa al-Siyar, hadis no: 2863]

Status Mursal Sahabi (مراسيل الصحابة)

Mursal Sahabi ialah apabila seorang sahabat nabi meriwayatkan sesebuah hadis sedangkan dia tidak mendengar riwayat itu atau melihatnya secara langsung daripada nabi sallallahu 'alaihi wasallam kerana umurnya yang muda ketika itu, atau lambatnya dia memeluk Islam, atau tidak hadir dalam majlis tersebut.

Sebaliknya dia sekadar meriwayatkan hadis itu daripada apa yang disampaikan kepadanya oleh sahabat-sahabat yang lain akan tetapi dia tidak menyebutkan nama sahabat tersebut. Ini sering berlaku kepada sahabat-sahabat seperti Ibn 'Abbas, Ibn az-Zubair dan selain mereka.

Pendapat yang benar lagi masyhur adalah mursal sahabi diterima sebagai hujah. Ini kerana sangat jarang seorang sahabat meriwayatkan hadis daripada seorang tabi'in kecuali mereka akan menyebutkannya. Seandainya sahabat menyebutkan Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda, maka itu bermaksud mereka mendengar daripada sahabat-sahabat yang lain. Oleh sebab itu, tidak menyebutkan nama sahabat yang menyampaikan hal ini tidaklah mendatangkan masalah kerana kesemua sahabat adalah 'adil.

Al-Mu'dhal (المعضل)

Ia bermaksud sesuatu riwayat yang gugur padanya dua atau lebih perawi secara berturut-turut.

Status hadis Mu'dhal

Ia merupakan hadis dhaif kerana terputus sanadnya. Akan tetapi apabila ada jalan lain yang meriwayatkan yang sama kuat dengannya atau lebih kuat daripadanya, maka ia dapat menjadi hasan lighairihi. Ia seperti riwayat berikut:

حَدَّثَنَا مُعَاوِيَةُ بْنُ عَمْرٍو ، حَدَّثَنَا أَبُو إِسْحَاقَ ، عَنِ الأَوْزَاعِيِّ ، عَنْ **هَارُونَ بْنِ رِئَابٍ** قَالَ : بَعَثَ رَسُولُ اللهِ صلى الله عليه وسلم بَعْثًا فَفُتِحَ لَهُمْ فَبَعَثُوا بَشِيرَهُمْ إِلَى رَسُولِ اللهِ صلى الله عليه وسلم فَبَيْنَا هُوَ .....

Imam al-Busiri menyatakan: Perawi-perawi pada sanad ini adalah thiqah, akan tetapi ia mu'dhal. Sesungguhnya Harun bin Riab al-Usaidi al-Basri meriwayatkan daripada Tabi'in, daripada Al-Hasan, Ibn al-Musayyib dan yang seumpama mereka. Akan tetapi ia dikuatkan oleh riwayat berikut:

حَدَّثَنَا سُوَيْدُ بْنُ سَعِيدٍ، حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ مُسْهِرٍ، عَنْ عَاصِمٍ، عَنِ السُّمَيْطِ بْنِ السُّمَيْرِ، عَنْ عِمْرَانَ بْنِ الْحُصَيْنِ، قَالَ أَتَى نَافِعُ بْنُ الأَزْرَقِ وَأَصْحَابُهُ فَقَالُوا هَلَكْتَ يَا عِمْرَانُ . قَالَ مَا هَلَكْتُ . قَالُوا بَلَى . قَالَ مَا الَّذِي أَهْلَكَنِي قَالُوا قَالَ اللَّهُ {وَقَاتِلُوهُمْ حَتَّى لاَ تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ الدِّينُ كُلُّهُ لِلَّهِ} .....

[Sunan Ibn Majah, Kitab al-Fitan, no: 3930]

Al-Munqathi' (المنقطع)

Apabila gugur seorang atau lebih perawi daripada pertengahan sanad tanpa berturut. Adakalanya al-Munqathi' digunakan secara umum untuk apa-apa sahaja sanad yang terputus atau hilang nama perawi.

Status hadis al-Munqathi'

Ia hadis lemah yang tidak boleh dijadikan hujah. Akan tetapi ia boleh dikuatkan apabila terdapat riwayat yang lain. Contohnya seperti riwayat berikut:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عِيسَى، حَدَّثَنَا حَسَّانُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ، عَنْ لَيْثٍ، عَنْ مُجَاهِدٍ، **عَنْ أَبِي الْخَلِيلِ**، عَنْ أَبِي قَتَادَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم أَنَّهُ كَرِهَ الصَّلاَةَ نِصْفَ النَّهَارِ إِلاَّ يَوْمَ الْجُمُعَةِ وَقَالَ " إِنَّ جَهَنَّمَ تُسْجَرُ إِلاَّ يَوْمَ الْجُمُعَةِ " .

[Sunan Abi Daud, Kitab as-Solat, hadis no: 1083]

Imam Abu Daud di hujung hadis ini menyatakan bahawa Abu Khalil tidak pernah mendengar daripada Abu Qatadah.

Akan tetapi ia mempunyai syawahid daripada riwayat berikut, Al-Imam Al-Syafie meriwayatkan dalam Al-Umm:

أخبرنا إِبْرَاهِيمُ بن مُحَمَّدٍ قال أخبرني إِسْحَاقُ بن عبد اللَّهِ عن سَعِيدٍ الْمَقْبُرِيِّ عن أبي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم نهى عن الصَّلاَةِ نِصْفَ النَّهَارِ حتى تَزُولَ الشَّمْسُ إلاَّ يوم الْجُمُعَةِ.

Al-Mudallas (المدلس)

Al-Mudallas bermaksud satu riwayat yang mana keaiban pada sanad riwayat tersebut dikaburkan, dan yang dizahirkan seolah-olah ia riwayat yang bagus.

Jenis-jenis tadlis

1- **Tadlis al-Isnad**: Iaitu apabila seorang perawi meriwayatkan sebuah hadis dengan lafaz-lafaz yang mengelirukan sama ada dia mendengar terus daripada perawi yang disebutkan atau tidak mendengar daripadanya. Antara lafaz-lafaz yang mengelirukan itu ialah (**عن فلان قال**) daripada fulan, beliau berkata, atau (**أن فلان قال**) fulan itu berkata; yang boleh menyebabkan orang menyangka dia mendengar terus daripada perawi tersebut. Perawi yang disebutkan itu merupakan perawi yang pada hadis-hadis lain dia memang pernah meriwayatkan daripadanya, akan tetapi untuk riwayat yang ditadliskan itu, sebenarnya dia tidak mendengar daripada perawi tersebut.

Contoh hal ini ialah seperti riwayat yang al-Imam al-Hakim bawakan dalam Ma'rifah Ulum al-Hadis.

أخبرني محمد بن أحمد الذهلي قال: حدثنا إبراهيم بن محمد السكري قال: ثنا علي بن خشرم قال: قال لنا ابن عيينة عن الزهري

Muhammad bin Ahmad → Ibrahim bin Muhammad → Ali bin Khasyram **→ Ibn 'Uyainah → Az-Zuhri**

فقيل له: سمعته من الزهري؟ فقال: لا ولا ممن سمعه من الزهري، حدثني عبد الرزاق عن معمر عن الزهري.

Ibn 'Uyainah ditanya: Adakah engkau mendengar daripada az-Zuhri? Beliau menjawab: Tidak, dan tidak juga daripada sesiapa yang mendengar daripada az-Zuhri. 'Abdulrazzaq menyampaikan kepada aku, daripada Ma'mar, daripada Zuhri. Dalam riwayat di atas, Ibn 'Uyainah menggunakan perkataan (عن) yang boleh menyebabkan orang menyangka beliau mendengar terus daripada az-Zuhri sedangkan hakikatnya antara beliau dan az-Zuhri terdapat dua orang perawi lain.

Oleh kerana itu sanad sebenar riwayat ini ialah:

Ibn 'Uyainah → Abdul Razzaq → Ma'mar → Az-Zuhri

Akan tetapi jika perawi tersebut melakukan tadlis dengan menyatakan secara pasti bahawa dia mendengar terus daripada perawi tersebut dengan lafaz seperti 'aku mendengar daripadanya', 'dia menyampaikan kepada kami', maka dia bukan lagi dikira mudallis bahkan dia dikira sebagai pendusta.

2- **Tadlis at-Taswiyah**: Ini merupakan satu bentuk tadlis yang paling buruk kerana ia akan menyembunyikan kelemahan yang wujud pada riwayat tersebut. Tadlis at-Taswih bermaksud seseorang meriwayatkan sebuah hadis yang mempunyai perawi yang lemah antara dua perawi yang thiqah, lalu disembunyikan perawi yang dhaif ini. Ini akan menyebabkan orang menyangkan perawi thiqah itu mendengar hadis itu daripada perawi thiqah yang lain.

   Antara yang popular dengan perbuatan ini ialah Al-Walid bin Muslim (**الوليد بن مسلم**).

   Beliau meriwayatkan hadis daripada al-Imam al-Auzaie akan tetapi dia akan menghilangkan nama perawi yang menyampaikan hadis kepada al-Imam al-Auzaie kerana perawi itu dhaif. Antara contohnya ialah Al-Walid menyatakan bahawa Al-Auzaie menerima hadis daripada Nafi.

   Al-Walid → Al-Auzaie → Nafi'

   Sedangkan sanad yang sebenar ialah

   Al-Walid → Al-Auzaie → **Abdullah bin 'Amir** → Nafi'.

   Ini kerana 'Abdullah bin 'Amir merupakan seorang perawi yang dhaif. Jadi al-Walid telah menyembunyikannya dan menunjukkan seolah-olah al-Auzaie mendapat hadis itu terus daripada Nafi. Lalu orang akan menyangka riwayat tersebut Sahih kerana al-Auzaie dan Nafi' kedua-dua thiqah, apatah lagi al-Auzaie memang pernah mengambil hadis yang lain daripada Nafi'.

3- **Tadlis al-Shuyukh**: Perawi yang melakukan hal ini akan meriwayatkan hadis daripada gurunya, akan tetapi dia akan menggunakan nama gurunya yang tidak masyhur dengan tujuan agar orang tidak tahu atau terkeliru daripada siapa sebenarnya dia mengambil hadis tersebut.

   Antara yang terkenal melakukan hal ini ialah 'Atiyyah bin Sa'ad al-'Aufi. 'Atiyyah pernah mempelajari tafsir daripada Muhammad bin al-Saib al-Kabi. Muhammad bin al-Saib al-Kalbi merupakan seorang yang ditohmah sebagai pendusta. Untuk mengelakkan orang mengetahui bahawa dia mengambil hadis daripada perawi yang ditohmah sebagai pendusta, 'Atiyyah akan menggunakan nama yang tidak masyhur untuk al-Kalbi iaitu Abu Sa'id. Ini menyebabkan orang menyangka bahawa 'Atiyyah meriwayatkan daripada Abu Sa'id al-Khudri radiallahu 'anhu.

   'Atiyyah → Abu Sa'id (nama yang dikenali orang ialah Muhammad bin al-Saib al-Kalbi)

   Antara contoh lain ialah apa yang dilakukan oleh Abu Bakar bin Mujahid al-Muqri' di mana dia akan meriwayatkan daripada gurunya Abu Bakar Abdullah bin al-Imam Abi Daud al-Sijistasni. Akan tetapi dia akan menukar nama ayah gurunya kepada Abu Abdullah. Ini

kerana kuniyah kepada Abi Daud al-Sijistani ialah Abu Abdullah, akan tetapi kuniyah ini tidak dikenali orang.

Abu Bakar bin Mujahid al-Muqri’ → Abdullah bin Abdullah

Yang sepatutnya:

Abu Bakar bin Mujahid al-Muqri’ → Abdullah bin Abi Daud al-Sijistani.

Al-Muqri mengaburkan nama sebenar Imam Abi Daud al-Sijistani kerana Imam Abi Daud sendiri menyatakan bahawa Abdullah yang merupakan anaknya itu adalah seorang perawi yang dhaif.

Status hadis al-Mudallas

Ia merupakan hadis dhaif. Ia boleh dinaikkan menjadi hasan lighairihi apabila ada riwayat-riwayat lain menguatkannya dengan syarat tidak diketahui nama perawi yang disembunyikan dalam sanadnya. Jika diketahui siapakah perawi itu, maka riwayat itu akan dinilai berdasarkan status perawi tersebut.

Jenis-Jenis Hadis Dhaif Disebabkan Kritikan Kepada Perawi

Kritikan kepada perawi melibatkan dua sudut iaitu:

1- Sifat ‘Adalah perawi

2- Sifat Dhabt perawi

Al-Maudhu’ (الموضوع)

Ia merupakan hadis palsu. Pada rangkaian perawinya terdapat perawi yang dinilai sebagai kazzab/pendusta oleh ulama hadis.

Ini merupakan seburuk-buruk hadis dhaif. Ia haram disebarkan kecuali untuk mengingatkan manusia tentang kepalsuannya.

Larangan Menyebarkan Hadis Palsu

Riwayat-riwayat yang melarang pemalsuan hadis merupakan hadis-hadis yang mutawatir.

Imam Muslim dalam Mukadimah Sahihnya membawakan riwayat-riwayat berikut:

Daripada ‘Ali radiallahu ‘anhu, Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda:

لاَ تَكْذِبُوا عَلَىَّ فَإِنَّهُ مَنْ يَكْذِبْ عَلَىَّ يَلِجِ النَّارَ

Jangan berdusta ke atas ku. Sesungguhnya sesiapa yang berdusta ke atas ku dia akan memasuki neraka.

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، أَنَّهُ قَالَ إِنَّهُ لَيَمْنَعُنِي أَنْ أُحَدِّثَكُمْ حَدِيثًا كَثِيرًا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم قَالَ "
مَنْ تَعَمَّدَ عَلَىَّ كَذِبًا فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ

Daripada Anas bin Malik, beliau berkata: Sesungguhnya yang menghalang aku daripada menyampaikan banyak hadis ialah kerana Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam pernah bersabda: Sesiapa yang dengan sengaja berdusta ke atas ku, maka ambillah tempatnya di neraka.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " مَنْ كَذَبَ عَلَىَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ "

Daripada Abu Hurairah radiallahu ‘anhu., Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang berdusta ke atas ku dengan sengaja, maka ambillah tempatnya di neraka.

Al-Mughirah berkata: Aku mendengar Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda:

إِنَّ كَذِبًا عَلَيَّ لَيْسَ كَكَذِبٍ عَلَى أَحَدٍ فَمَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ

Sesungguhnya pendustaan ke atas ku tidak seperti pendustaan ke atas orang lain. Sesiapa yang berdusta ke atas aku dengan sengaja, maka ambillah tempatnya di neraka.

Antara prinsip yang perlu dipegang oleh setiap Muslim apabila mendengar sesuatu hadis ialah memeriksa dahulu kesahihannya sebelum disebarkan. Imam Muslim menyebutkan lagi dalam Mukadimah Sahihnya:

كَفَى بِالْمَرْءِ كَذِبًا أَنْ يُحَدِّثَ بِكُلِّ مَا سَمِعَ

Cukuplah seseorang itu dianggap sebagai pendusta apabila dia menyampaikan setiap apa yang dia dengar.

Sebab-Sebab Berlaku Pemalsuan Hadis

1- Untuk merosakkan Islam dan umat Islam.

   Ini sebagaimana yang dilakukan oleh Yahudi dari Yaman bernama Abdullah bin Saba’. Dia telah menimbulkan permusuhan dalam kalangan umat Islam hingga menimbulkan perpecahan dan pertelingkahan, dan melahirkan rasa taksub kepada Ahlul Bait Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam. Antara hadis palsu berkaitan hal ini ialah:

   محمد خاتم الأنبياء وعلي خاتم الأوصياء

   Muhammad adalah penutut para nabi, dan Ali adalah penutup para wasi.

2- Untuk memenangkan kelompok masing-masing dalam pertelingkahan politik.

   Selepas kewafatan Uthman radiallahu ‘anhu, perpecahan umat Islam semakin berkecamuk. Polemik berterusan antara kelompok Muawiyah dan kelompok Ali radiallahu ‘anhu. Lantaran ketaksuban, sebahagian daripada mereka telah mencipta hadis palsu untuk memenangkan kelompok masing-masing.

   من أراد أن ينظر إلى آدم في علمه، ونوح في فهمه، وإبراهيم في حكمه، ويحيى بن زكريا في زهده، وموسى بن عمران في بطشه فلينظر إلى على بن أبي طالب

Sesiapa yang ingin melihat keilmuan Adam, kefahaman Nuh, kebijaksanaan Ibrahim, kezuhudan Yahya, dan kekuatan Musa. Lihatlah kepada Ali bin Abi Thalib. [Hadis Maudhu, Al-Maudhu'at]

ما في الجنة شجرة إلا مكتوب على كل ورقة منها لا إله إلا الله محمد رسول الله أبو بكر الصديق وعمر الفاروق وعثمان ذو النورين

Tidak ada sesuatu pohon dalam syurga,melainkan tertulis pada tiap-tiap daunnya: Tiada tuhan yang disembah selain Allah Muhammad Rasulullah, Abu Bakar As-Siddiq, Umar al-Faruq dan Uthman Dzunnurain. [Hadis maudhu, Al-Fawaid Al-Majmu'ah Fi Al-Ahadis Al-Maudhu'ah]

الأمناء عند الله ثلاثة أنا وجبريل ومعاوية

Orang yang dipercayai di sisi Allah ada tiga: Aku, Jibril dan Muawiyah. [Bathil, Al-Fawaid Al-Majmu'ah Fi Al-Ahadis Al-Maudhu'ah]

3- Membantu mazhab akidah masing-masing.

Pada hujung-hujung kurun pertama umat Islam, telah muncul pelbagai aliran pemikiran dalam akidah umat Islam seperti golongan Qadariyyah, Jabariyyah, Murjiah, dan Jahmiyah. Mereka membawa aliran akidah yang hakikatnya tiada kaitan langsung dengan Islam. Untuk menguatkan pandangan mereka, mereka telah mereka-reka hadis palsu.

Golongan Qadariyyah mereka hadis di bawah:

إذا كان يوم القيامة وجمع الله الأولين والآخرين فالسعيد من وجد لقدمه موضعا فينادي مناد من تحت العرش ألا من برأ ربه من ذنبه وألزمه نفسه فليدخل الجنة

Di hari kiamat, Allah himpunkan semua dari generasi yang terawal sehingga yang terakhir. Maka bergembiralah mereka yang tetap dengan prinsipnya. Lalu, pemanggil dari bawah 'arasy pun berkata: Ketahuilah bagi sesiapa yang melazimi dirinya tidak melakukan sebarang dosa, masuklah dia ke dalam syurga [Maudhu', Al-Fawaid Al-Majmu'ah Fi Al-Ahadis Al-Mawdhu'ah]

Golongan Murjiah pula mencipta hadis di bawah:

قدم وفد ثقيف على رسول الله صلى الله عليه وسلم فقالوا جئناك نسألك عن الايمان أيزيد أو ينقص ؟ فقال: الايمان مثبت في القلوب كالجبال الرواسى وزيادته ونقصانه كفر

Telah datang utusan daripada Bani Tsaqif menemui RasululLah sallallahu 'alaihi wasallam lalu mereka bertanya: Kami menemuimu untuk bertanya tentang Iman. Adakah ia naik dan turun? (Dikatakan) Nabi sallallahu 'alaihi wasallam menjawab: Iman itu tetap di dalam

hati bagaikan gunung yang teguh, peningkatannya membawa kepada kufur, pengurangannya juga membawa kepada kufur [Palsu, Al-Maudhu'at]

Mereka yang menentang Murjiah membuat pula hadis di bawah:

الإيمان قول وعمل ويزيد وينقص وعليكم بالسنة فالزموها

Iman itu perkataan dan perbuatan. Ia naik dan turun. Hendaklah kalian berpegang kepada as-Sunnah. [Maudhu', Al-Fawaid Al-Majmu'ah Fi Al-Ahadis Al-Maudhu'ah]

4- Untuk merosakkan ajaran Islam.

Apabila Islam mula tersebar luas. Golongan-golongan yang cemburu dengan perkembangan dakwah Islam mula menyusup masuk ke dalam umat Islam. Lalu mereka mencipta hadis-hadis yang merosakkan akidah Islam dan tidak dapat diterima akal yang sihat.

حديث أبي هريرة قيل يا رسول الله مم ربنا قال من ماء مرور لا من أرض ولا سماء خلق خيلا فاجراها فعرقت فخلق نفسه من ذلك العرق

Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam ditanya: Tuhan kita diperbuat daripada apa? Baginda menjawab: Daripada air yang mengalir. Bukan daripada bumi dan bukan daripada langit. Dia menciptakan seekor kuda kemudian Dia menjalankan kuda itu maka berpeluhlah kuda itu. Kemudian Dia menciptakan diri-Nya daripada peluh kuda itu [Palsu, Tanzih al-Syari'ah al-Marfu'ah]

5- Ketaksuban kepada puak atau bangsa.

Sifat taksub kepada bangsa masing-masing juga menjadi punca munculnya hadis palsu.

إن كلام الله حول العرش بالفارسية وإن الله إذا أوحى أمرا فيه لين أوحاه بالفارسية وإذا أوحى أمرا فيه شدة أوحاه بالعربية

Sesungguhnya kalam Allah di sekitar Arsy adalah dalam bahasa Parsi. Sesungguhnya apabila Allah mewahyukan sesuatu yang menggembirakan, Dia akan mewahyukannya dalam bahasa Parsi. Apabila Dia mewahyukan sesuatu yang keras, Dia akan mewahyukan dalam bahasa arab. [Palsu, Al-Fawaid Al-Majmu'ah Lil Ahadis Al-Maudhu'ah]

أبغض الكلام إلى الله عزوجل الفارسية، وكلام الشياطين بالحورية، وكلام أهل النار – بالنجارية – [بالبخارية] وكلام أهل الجنة العربية

Perkataan yang paling dibenci Allah ialah bahasa Parsi, perkataan syaitan-syaitan pula adalah dalam bahasa Al-Huriyyah, dan perkataan ahli neraka dalam bahasa Bukhariyyah. Perkataan ahli syurga pula adalah bahasa Arab. [Palsu, Al-Maudhu'at]

6- Untuk mengajar manusia melakukan kebaikan.

Ini merupakan satu sebab hadis palsu banyak tersebar. Tujuannya baik akan tetapi apa yang dilakukan merupakan satu dosa yang besar. Inilah yang dilakukan oleh Abu Ismah Nuh bin Maryam. Dia telah mereka-reka hadis berkaitan fadhilat-fadhilat surah dalam al-Quran. Nuh bin Maryam berkata:

إني رأيت الناس أعرضوا عن القرآن واشتغلوا بفقه أبي حنيفة ومغازي بن إسحاق فوضعت هذا الحديث حسبة

Sesungguhnya aku melihat manusia sudah berpaling daripada al-Quran. Mereka sibuk dengan fiqh Abu Hanifah, maghazi Ibn Ishaq. Lalu aku cipta hadis ini. [Al-Laali Al-Masnu'ah Fi Al-Ahadis Al-Maudhu'ah]

7- Taksub kepada mazhab feqh

Sifat taksub kepada mazhab feqh yang dipegang menyebabkan sebahagian pengikut mereka-reka hadis untuk membela mazhab atau pendapat feqh masing-masing.

Antaranya;

من رفع يديه في الصلاة فلا صلاة له

Sesiapa yang mengangkat kedua tangan ketika solat, tidak ada solat untuknya. [Palsu, Al-Fawaid Al-Majmu'ah Fi Al-Ahadis Al-Maudhu'ah]

يكون في أمتي رجل يقال له محمد بن إدريس أضر على أمتي من إبليس ويكون في أمتي رجل يقال له أبو حنيفة هو سراج أمتي

Akan ada pada kalangan umat ku seorang lelaki bernama Muhammad bin Idris. Beliau lebih bahaya kepada umat ku daripada iblis. Akan ada pula pada umatku lelaki dipanggil Abu Hanifah. Dia merupakan pelita umat ku. [Palsu, Al-Fawaid Al-Majmu'ah Fi Al-Ahadis Al-Maudhu'ah]

8- Untuk tujuan keduniaan

Sebahagian manusia memalsukan hadis sebagai satu bentuk agar hidupnya senang dan mewah di dunia. Terdapat pelbagai contoh dalam bab ini.

a- Untuk mendekatkan diri kepada pemerintah

Ghiyats bin Ibrahim berdusta untuk Khalifah al-Mahdi dalam hadis Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam berikut :

لا سبق إلا فى نصل أو خف أو حافر

Tidak ada perlumbaan kecuali dalam (permainan) panah, sepatu atau kuda. Dia melihat Al-Mahdi suka bermain dengan burung, lalu Ghiyats menambahkan (أو جناح) 'atau sayap' untuk mengambil hati Al-Mahdi. Al-Mahdi memerintahkan agar burung itu disembelih. Kemudian al-Mahdi berkata tentang Ghiyats: ((أشهد أنه كذاب على رسول الله)) Aku bersaksi bahawa dia berdusta ke atas Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam [Al-Athar Al-Marfu'ah Fi Al-Akhbar Al-Maudhu'ah]

b- Golongan tukang cerita atau motivasi. Mereka mencipta hadis untuk menyedapkan cerita dan menarik perhatian kepada manusia kepada mereka.

Seorang tukang cerita pernah bercerita dalam masjid, dia berkata:

حدثنا أحمد بن حنبل ويحيي بن معين قالا حدثنا عبد الرزاق عن معمر عن قتادة عن أنس قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: " من قال لا إله إلا الله خلق الله كل كلمة منها طيرا منقاره من ذهب وريشه من مرجان"

Imam Ahmad bin Hanbal dan Yahya bin Ma'in berkata: Abdul Razzaq meriwayatkan kepada kami daripada Ma'mar daripada Qatadah daripada Anas: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Barang siapa mengucapkan 'Tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah'; Allah telah menciptakan daripada setiap perkataan itu seekor burung yang paruhnya diperbuat daripada emas dan sayapnya daripada permata. Dia terus bercerita dan kisahnya sepanjang 20 muka surat.

Ketika itu Imam Ahmad dan Yahya bin Ma'in berada di dalam masjid tersebut. Mendengar perkataan tukan cerita itu, Imam Ahmad melihat ke arah Yahya bin Ma'in, dan Yahya melihat ke arah Imam Ahmad. Imam Ahmad bertanya: Adakah engkau yang menyampaikan hadis ini kepada lelaki ini? Yahya menjawab: Aku tidak pernah mendengar hadis ini kecuali pada saat ini.

Selesai dia bercerita, Yahya bertanya kepada lelaki itu: Siapa yang menyampaikan hadis ini kepada engkau? Dia menjawab: Ahmad bin Hanbal dan Yahya bin Ma'in. Yahya berkata: Aku adalah Yahya bin Ma'in dan ini adalah Imam Ahmad bin Hanbal. Kami tidak pernah mendengar langsung hadis ini. Sesungguhnya ini merupakan satu pendustaan.

Tukang cerita itu bertanya: Engkau adalah Yahya bin Ma'in? Yahya menjawab: Ya. Tukang cerita itu berkata: Aku sering mendengar bahawa Yahya bin Ma'in ini bodoh. Tidak pernah aku pasti tentang hal itu kecuali hari ini. Yahya berkata kepada beliau: Bagaimana engkau tahu aku bodoh?

Tukang cerita itu menjawab: Macam lah ada seorang sahaja Yahya bin Ma'in dan Ahmad bin Hanbal di dunia ini. Aku telah menulis daripada tujuh belas orang Yahya bin Ma'in dan Ahmad bin Hanbal. Yahya bin Ma'in dan Imam Ahmad pun beredar. [Al-Maudhu'at]

c- Untuk tujuan perniagaan. Wujud juga hadis-hadis palsu yang direka oleh para peniaga untuk melariskan perniagaan mereka. Antaranya:

ماؤها رحمة وحلاوتها مثل حلاوة الجنة

(Buah tembikai) air rahmat dan kemanisannya seperti kemanisan syurga.

Ibn Jauzi berkata tentang salah seorang perawi dalam riwayat ini yang bernama Al-Hanad bin Ibrahim: Kami telah mendengar daripadanya banyak hadis yang disandarkan kepada nabi sallallahu 'alaihi wasallam, sahabat dan tabi'in. kesemuanya berkaitan fadhilat tembikai yang mana kami tidak menemui riwayat ini pada selainnya. [Al-Maudhu'at]

Petunjuk-Petunjuk Sesebuah Hadis Itu Adalah Palsu

1- Pengakuan daripada pemalsu hadis itu sendiri. Ini merupakan sebesar-besar bukti dalam hal ini. Ini sebagaimana yang dilakukan oleh Abu Ishmah bin Abi Maryam di mana dia mengaku bahawa dia telah mereka hadis palsu berkaitan fadhilat surah-surah dalam al-Quran.

2- Perawi menyatakan dia mengambil hadis daripada seseorang sedangkan dia tidak pernah berjumpa dengan orang tersebut.

Ini sebagaimana yang dilakukan oleh Ma'mun bin Ahmad al-Harwi di mana dia mendakwa bahawa dia mendengar hadis daripada Hisyam bin 'Ammar. Ibn Hibban bertanya kepadanya: Bilakah engkau masuk ke negara Syam? Ma'mun menjawab: Pada tahun 250 hijrah. Ibn Hibban pun berkata kepadanya: Sesungguhnya Hisyam yang mana engkau meriwayatkan daripadanya telah meninggal dunia pada 245 hijrah.

3- Apabila terdapat perawi dalam sanad hadis itu seseorang yang memang sudah terkenal bahawa dia merupakan pemalsu hadis.

4- Apabila hadis tersebut bercanggah dengan al-Quran dan usul-usul agama. Ini seperti hadis yang menyatakan secara spesifik bilakah akan berlakunya hari kiamat. Begitu juga hadis yang menyatakan anak zina tidak akan memasuki syurga sehingga tujuh keturunan.

5- Apabila ia bercanggah dengan sunnah yang telah dipastikan kesahihannya.

Ini sebagaimana hadis-hadis yang menyatakan bahawa sesiapa yang bernama Ahmad atau Muhammad akan terselamat daripada api neraka.

6- Ia menyalahi kesepakatan para ulama.

Contohnya hadis yang menyatakan bahawa solat sunat pada malam Jumaat sebanyak lapan rakaat akan menjadi kafarah kepada solat-solat fardhu yang pernah ditinggalkan.

7- Tidak wujudnya hadis tersebut dalam kitab-kitab hadis yang disusun oleh para ulama hadis.

8- Kepelikan pada lafaz-lafaznya daripada bahasa arab yang fasih.

9- Melampau-lampau pada isi kandungannya.

10- Isi kandungannya membawa kepada bid'ah

Al-Matruk (المتروك)

Iaitu riwayat yang ada pada sanadnya perawi yang dituduh sebagai pendusta (المتهم بالكذب) atau pun perawi yang fasiq. Sebab perawi itu ditohmah sebagai pendusta kerana dia dikenali sebagai seorang pendusta dalam kehidupannya walaupun tidak ditemui bukti perbuatannya mereka-reka hadis.

Hadis Matruk menduduki tempat kedua selepas hadis Maudhu. Sebagaimana hadis maudhu' tidak boleh dikuatkan oleh riwayat yang lain, begitu juga hadis matruk tidak boleh menjadi kuat disebabkan riwayat yang lain.

Al-Munkar (المنكر)

Ia merupakan satu riwayat yang dibawa oleh perawi yang dhaif yang menyelisihi riwayat yang dibawakan oleh perawi yang thiqah.

Sebahagian ulama hadis berpendapat hadis munkar ialah hadis yang ada pada sanadnya perawi yang banyak silapnya atau fasiq.

Dikatakan juga bahawa hadis munkar ialah hadis yang perawinya bersendirian dalam meriwayatkan hadis tersebut.

Hadis Munkar menduduki tempat ketiga selepas hadis maudhu dan matruk. Sebagaimana maudhu dan matruk, hadis munkar juga merupakan hadis yang sangat lemah (ضعيف شديد) kerana ia akan bercanggah dengan hadis yang diriwayatkan perawi yang thiqah. Oleh sebab itu ia tidak dapat dikuatkan menjadi hasan lighairihi. Lawan kepada hadis munkar ialah hadis ma'ruf (معروف)

Al-Syaz (الشاذ)

Ia merupakan satu riwayat perawi yang thiqah yang bercanggah dengan perawi yang lebih thiqah daripadanya atau bercanggah dengan ramai perawi yang thiqah.

Ia menduduki tempat keempat selepas hadis munkar. Ia tidak boleh diamalkan dan tidak boleh dinaikkan menjadi hasan lighairihi. Lawan kepada hadis syaz ialah hadis mahfuz (محفوظ)

Al-Ma'lul (المعلول)

Ia merupakan riwayat yang pada zahirnya kelihatan selamat daripada sebarang kecacatan, akan tetapi hakikatnya wujud pada riwayat itu kecacatan tersembunyi yang merosakkan kesahihan riwayat tersebut.

Ini merupakan antara perkara yang paling sukar. Ini kerana zahirnya, riwayat tersebut telah memenuhu kriteria-kriteria hadis-hadis yang boleh diterima. Akan tetapi hakikatnya ia ada kecacatan tersembunyi.

Oleh kerana itu, hadis ma'lul hanya dapat dikenali oleh orang-orang yang memang benar-benar menguasai ilmu hadis, dan telah melakukan pengkajian yang sangat mendalam sehingga dia dapat menemui kecacatan yang tersembunyi yang tidak dapat dilihat oleh ulama-ulama lain. Ia bukanlah satu keputusan yang boleh dibuat dengan cepat.

Perawi Ahli Bi'dah (مبتدع)

Ia merujuk kepada perawi yang dikenali sebagai ahli bid'ah. Kebiasaannya ia merujuk kepada mereka yang terkenal dengan bid'ah dalam akidah seperti Syiah, Mu'tazilah, Khawarij, Murjiah, Qadariyyah dan firqah-firqah sesat yang lain.

Hadis yang diriwayatkan oleh perawi ahli bid'ah tidak mempunyai nama yang khas. Kedhaifannya bergantung kepada tahap bid'ahnya.

1- Jika perawi itu terlibat dalam bid'ah yang mengeluarkan seseorang daripada agamanya seperti mengingkari rukun Islam, atau menyamakan Allah dengan makhluk, maka riwayatnya ditolak secara mutlak. Ia tidak akan dapat dikuatkan menjadi hasan lighairihi.

2- Seandainya dia merupakan ahli bid'ah, tetapi bid'ahnya tidak sampai keluar daripada Islam. Ia akan ada perincian seperti berikut:

    a- Jika dia seorang yang menyeru kepada bid'ahnya, majoriti ulama menolak hadisnya.

    b- Jika dia bukan orang yang menyeru kepada bid'ahnya, maka hadisnya diterima dengan dua syarat:

        - Hadis itu tidak berkaitan dengan bid'ahnya.
        - Perawi tersebut seorang yang 'adil dan dhabt.

Hadis Perawi Yang Tidak Dikenali (مجهول \ مبهم)

Ia bermaksud hadis yang pada sanadnya terdapat perawi yang tidak dikenali. Tidak dikenali ini terbahagi kepada dua aspek:

1- Individu itu memang tidak dikenali langsung (مجهول العين)

2- Atau individu itu dikenali, tetapi hal keadaannya tidak diketahui (مجهول الحال)

Majhul al-‘Ain : Perawi yang disebutkan namanya akan tetapi hanya ada seorang sahaja yang meriwayatkan hadis daripadanya. Hadisnya adalah dhaif pada asalnya. Ia hanya boleh naik menjadi hasan lighairihi apabila ada riwayat lain yang lebih kuat yang menyokongnya.

Majhul al-Hal: Perawi yang terdapat dua atau lebih yang meriwayatkan hadis daripadanya, akann tetapi status perawi ini tidak diketahui. Hadisnya adalah dhaif. . Ia hanya boleh naik menjadi hasan lighairihi apabila ada riwayat lain yang lebih kuat yang menyokongnya.

Al-Mubham: Ia merujuk kepada perawi yang tidak jelas identitinya. Ia boleh jadi kerana perawi menggunakan namanya yang tidak dikenali ramai, atau perawi yang mengambil hadis daripadanya hanya menyebutkan: Seorang lelaki menyampaikan riwayat ini, dan seumpamanya tanpa menyebutkan nama individu tersebut.

Hadis perawi mubham adalah dhaif. Ia hanya boleh naik menjadi hasan lighairihi apabila ada riwayat lain yang lebih kuat yang menyokongnya.

Hadis perawi buruk hafazan atau yang berubah keadaannya (مختلط/سيء الحفظ)

Bagi perawi yang buruk hafazannya, ia boleh dibahagikan kepada dua iaitu:

1- Keadaannya kekal sepanjang hayat: Jika seorang perawi itu keadaan buruknya hafazan itu sejak awal hingga hujung hayatnya. Maka riwayatnya dipanggil adalah dhaif. Riwayatnya tidak naik menjadi hasan lighairihi kecuali jika terdapat riwayat lain yang lebih kuat yang menguatkannya.

2- Keadaannya berubah: Iaitu seorang perawi yang pada asalnya bagus hafazannya akan tetapi menjadi berubah kerana tua, buta, atau hilang atau rosak kitab yang menjadi rujukannya. Perawi ini dipanggil al-Mukhtalath. Perawi sebegini riwayatnya perlu diperincikan seperti berikut:

   a- Apa yang diriwayatkan sebelum rosaknya hafazannya dan dapat dibezakan riwayat yang sebelum rosaknya hafazan dan selepasnya. Maka yang diriwayatkan sebelum rosaknya hafazan adalah diterima. Ini dapat diketahui dengan melihat siapakah perawi yang mengambil hadis daripadanya. Jika perawi itu dikenali mengambil hadis daripada perawi al-Mukhtalath itu sebelum keadaannya rosak, maka ia diterima.

   b- Apa yang diriwayatkan daripada perawi al-Mukhtalath selepas rosaknya hafazannya, maka ia adalah dhaif. Ia diketahui dengan melihat perawi yang mengambil daripadanya. Ia boleh naik menjadi hasan lighairihi apabila terdapat riwayat yang lain yang menyokongnya.

   c- Apa yang tidak diketahui adakah diriwayatkan sebelum atau selepas rosaknya hafazan. Maka para ulama akan tawaqquf sehingga jelas. Ia boleh dinaikkan menjadi hasan lighairihi apabila ada jalan riwayat lain menyokongnya. Hal ini berlaku apabila perawi yang mengambil hadis daripada perawi al-Mukhtalath ini, pernah mengambil hadis daripadanya sebelum dan selepas berubah hafazannya.

Kelemahan Yang Ringan dan Yang Berat

Berdasarkan jenis-jenis riwayat lemah di atas, kita boleh membahagikannya kepada dua jenis riwayat lemah:

1- Riwayat yang lemahnya ringan- Ia boleh dinaikkan menjadi hasan lighairihi apabila terdapat jalan periwayatan yang lain yang sama kuat atau lebih kuat daripadanya.

   Riwayat yang lemahnay ringan ini boleh digunakan untuk fadhail amal menurut majoriti ulama dengan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

2- Riwayat yang lemahnya berat- Ia tidak boleh dinaikkan menjadi hasan lighairihi apabila terdapat jalan periwayatan yang lain.

   Riwayat yang lemahnya berat tidak boleh digunakan langsung. Ia hanya boleh diriwayatkan untuk menyatakan kepalsuannya.

Kelemahan Yang Ringan	Kelemahan Yang Berat
Ad-Dhaif	Al-Maudhu’
Al-Mu’allaq	Al-Matruk
Al-Mursal	Al-Munkar
Al-Mu’dhal	Al-Syaz
Al-Munqathi’	Al-Ma’lul
Al-Mudallas	Dhaif Jiddan